



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 741]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 781]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) [Ruangan 781]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) [Ruangan 800]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) [Ruangan 817]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 831]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 842]

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 848]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V.V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- ” PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Raman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chai Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 14hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENKALAN PERBEKALAN
PETROLEUM DI KEMAMAN**

1. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab bagi pembinaan sebuah lagi pelabuhan yang menelan belanja berpuluh-puluh juta ringgit di Daerah Kemaman, Trengganu, padahal Kerajaan telah membina sebuah pelabuhan yang besar di Tanjong Gelang, Kuantan yang menelan belanja beratus juta ringgit untuk kegunaan bagi Negeri Pahang, Trengganu dan Kelantan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa pelabuhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya merupakan sebuah Pengkalan Perbekalan Petroleum. Pengkalan Perbekalan Petroleum di Kemaman telah dirancang khas bagi memenuhi keperluan perkembangan aktiviti-aktiviti carigali dan pengeluaran minyak dan gas di kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Pengkalan ini adalah penting bagi memberi perkhidmatan yang terus menerus selama 24 jam sehari kepada keperluan-keperluan kegiatan carigali dan pengeluaran petroleum. Ini adalah kerana semua bahan-bahan, alat-alat ganti dan pembaikan serta juruteknik-juruteknik mestilah boleh diperolehi dari pengkalan ini pada bila-bila masa sahaja ianya diperlukan. Kelambatan membekalkan

bahan-bahan tersebut akan menjejaskan kerja-kerja carigali dan pengeluaran minyak yang melibatkan kos yang sangat besar.

Pengkalan ini tidak akan diluaskan skopnya untuk menjadi sebuah pelabuhan air bagi tujuan perdagangan biasa oleh kerana peranan ini akan dikendalikan oleh Pelabuhan Kuantan.

**MAS—PERKHIDMATAN TAMBAHAN
KE MELAKA**

2. Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan hendak menambahkan perkhidmatan kapalterbang MAS ke Melaka.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perkhidmatan MAS ke Melaka ialah satu kali sehari pergi balik iaitu Kuala Lumpur/Melaka/Johor Bahru dan balik. Jumlah penumpang purata bagi tiap-tiap penerbangan ialah 7 orang sahaja. Oleh yang demikian, perkhidmatan sekarang adalah mencukupi dan MAS tidak bercadang menambah perkhidmatan itu buat masa sekarang.

Walau bagaimanapun, sekiranya jumlah penumpang bertambah MAS akan mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab jalan dari Kuala Lumpur ke Melaka sudah baik melalui Highway Seremban-Kuala Lumpur, bolehkah Kerajaan menimbangkan supaya perkhidmatan kapalterbang itu dipindahkan ke tempat lain, umpamanya, ke Lapanganterbang Benta kerana satu daripada lapanganterbang yang masih belum digunakan sepenuhnya, bertempat di Kuala Lipis, Pahang yang boleh digunakan bagi 3 daerah iaitu Raub, Lipis

dan Jerantut. Bolehkah Kerajaan menimbang-kan supaya dipindahkan perkhidmatan itu ke Pahang (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan timbangkan (*Ketawa*).

MARA—KEMAJUAN DALAM MEMBANTU BUMIPUTRA

3. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) kemajuan yang telah dicapai oleh MARA khususnya dalam membantu bumiputra di Perak; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil mengatasi kegagalan yang lalu khususnya dalam membimbing bumiputra dalam perniagaan.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, di Perak seperti juga di negeri-negeri lain pihak MARA telah mencapai beberapa kemajuan dalam usaha membantu bumiputra selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru khususnya di dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian. Di antara usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak MARA ialah memupuk perkembangan usahawan di kalangan bumiputra, meningkatkan pemilikan bumiputra dalam bidang modal, ekuiti dan lain-lain harta yang produktif serta menambah bilangan gunatenaga bumiputra dalam berbagai peringkat bidang perniagaan.

Kementerian saya melalui MARA dan agensi-agensi lainnya adalah sentiasa mengawasi dan memastikan bahawa objektifnya untuk membantu bumiputra terutama dalam bidang perniagaan dan perindustrian mencapai kejayaan. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil ke arah pencapaian matlamat ini adalah dengan menggunakan perkhidmatan kepakaran serta membuat kajian dan memberi bimbingan memperkembangkan jentera pentadbiran dan pengendalian syarikat-syarikat MARA yang akan dijadikan sebagai payung kepada perkembangan perniagaan dan perusahaan bumiputra, mengadakan susunan yang teratur dan berterusan dan apa-apa juga kegagalan berlaku tentu sekali menjadi pengalaman supaya tidak berlaku lagi dalam usaha kita untuk membangun, mempergiat dan meningkatkan usahawan-usahawan bumiputra.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya kalau kita mendengar penerangan Menteri yang berkenaan amatlah cemerlang MARA terutama dalam negeri Perak, tetapi pendapat saya amatlah berlawanan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Contohnya dalam tahun 1979 yang lalu berjuta-juta ringgit hasil untuk membangun bumiputra di negeri Perak telah dibekukan wang itu. Apakah sebabnya?

Kedua, satu contoh lagi di Padang Rengas MARA telah berjanji membangunkan Bangunan MARA untuk perniagaan bumiputra pada tahun 1979 tetapi hingga sekarang masih tidak dibangunkan. Saya suka bertanya, adakah dapat Yang Berhormat Menteri menafikan apa juga soalan yang saya katakan itu? Bilakah Bangunan MARA di Padang Rengas ini boleh didirikan? Saya pun malu apabila rakyat selalu bertanya sebab sudah bertahun-tahun berjanji. Harap Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Minta notis. Tidak payah minta notis?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Minta notis bagi yang kedua, tetapi yang pertama saya menafikan ada pembekuan peruntukan-peruntukan bagi negeri Perak seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Apa yang saya katakan saya bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Soal sahaja, tidak boleh berbahas.

ASEAN-EEC—PERJANJIAN KERJASAMA

4. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah yang diperolehi oleh Malaysia dari Mesyuarat EEC dan ASEAN yang telah berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Menteri-menteri ASEAN dan EEC yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 7hb Mac, 1980 merupakan satu peristiwa yang bersejarah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia mengetahui daripada jawapan saya yang terdahulu kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Yap Peng pada 7hb April, Menteri-menteri ASEAN dan EEC telah menandatangani Perjanjian Kerjasama

ASEAN-EEC yang telah meletakkan perhubungan ASEAN dengan EEC secara 'formal' dan di atas dasar yang akan memberi berfaedah (bersama) kepada kedua-dua belah pihak. Kami merasa megah yang Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tempat untuk menandatangani Perjanjian yang bersejarah ini.

Mesyuarat tersebut, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, telah memberi peluang kepada Menteri-menteri daripada kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pendapat dan pandangan atas masalah-masalah ekonomi yang tertentu dengan EEC, yang dihadapi oleh ASEAN di dalam bidang perdagangan, barangan dan kerjasama di bidang perindustrian. Ini adalah penting kepada Malaysia kerana kita ingin pihak EEC mengurangkan sekatan-sekatan tariff kepada barang-barang pengeluaran kita seperti minyak kelapa sawit, nenas dalam tin, lada hitam, koko, "plywood", ikan, udang dan "footwear". Perjanjian ini juga telah membuka jalan bagi mengadakan hubungan ekonomi yang lebih rapat dan luas di antara sektor-sektor swasta di kedua-dua rantau. Malaysia di dalam hal ini memerlukan banyak lagi pelaburan dan pengetahuan teknologi bagi meninggikan pembangunan industri-industri kita. Pihak EEC menyedari kepentingan menyelurkan pelaburan yang lebih banyak kepada rantau ini bagi meningkatkan lagi pembangunan, peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi.

Saya merasa sektor swasta di Malaysia boleh menggunakan kesempatan ini melalui EEC Business Council untuk membincang dengan rakan sejawat mereka di EEC tentang kemungkinan menubuhkan banyak lagi Joint Ventures dan bagi menempatkan semula industri-industri yang tidak economical dari negara-negara EEC ke Malaysia. Kearah ini kita mempunyai tenaga buruh yang paling berkelayakan dan mahir.

Ini adalah beberapa faedah yang diperolehi oleh Malaysia. Selain daripada itu, dialogue dan perbincangan informal kita dengan EEC dapat menjalinkan pertalian yang lebih rapat dengan negara-negara dalam EEC yang mana telah memberi bantuan yang bererti kepada rancangan-rancangan pembangunan Malaysia di dalam konteks perhubungan dua hala. Di dalam proses kerjasama kita dengan EEC di dalam berbagai-bagai bidang ekonomi, kita tidak harus melupakan bahawa Malaysia

sesungguhnya membuat sumbangan kepada usaha-usaha ASEAN untuk menjadikan ASEAN sebagai satu kuasa yang viable di Asia Tenggara, untuk membolehkannya memainkan peranan di dalam mencapai keamanan, kestabilan dan kesejahteraan di rantau ini. Sebagai analisa akhir, kita bukan sahaja berusaha untuk mengukuhkan ASEAN tetapi juga ketahanan negara kita sendiri bagi menghadapi cabaran-cabaran di tahun-tahun 80an dan selepasnya.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Samada perhubungan EEC dan ASEAN akan dilanjutkan untuk memperluaskan lagi kerjasama di antara keduanya, khasnya di bidang pertahanan dan pelajaran.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang telah kita tandatangi ini adalah terhad kepada hubungan ekonomi tetapi di dalam soal pelajaran umpamanya, ianya tidak terhad dalam segi hubungan yang berkaitan dengan meningkatkan lagi kemahiran dan dalam usaha kita memindahkan teknologi ke negara-negara ASEAN umpamanya boleh dirangkumi di bawah perjanjian ini tetapi ianya tidak menyetuh dan mengusik soal pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Datuk Haji Abdul Hamid bin Bidin.

Jeneral Tan Sri Datuk Haji Abdul Hamid bin Bidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kelima, tetapi sebelum soalan ini dijawab, saya suka menarik perhatian baris yang yang keempat di dalam teks Bahasa Malaysia sebelum perkataan tahun, angka "1" sahaja, tetapi kalau dilihat dalam bahasa Inggeris "10 years". Yang sebetulnya 10 tahun. Saya ingat salah cetak.

WAD KELAS 2 BAGI BEKAS ANGGOTA TENTERA

5. Jeneral Tan Sri Datuk Haji Abdul Hamid bin Bidin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekas-bekas perajurit hanya layak masuk ke Wad Kelas 2 di Hospital Kerajaan jika mereka mempunyai perkhidmatan sekurang-kurangnya 10 tahun dan sama ada beliau akan meminda tempoh ini kepada 5 tahun seperti

yang dikenakan kepada bekas-bekas Anggota Polis termasuk Polis Khas, Polis Tambahan Senoi Praak, Kawalan Kampong dan Polis Extra, dan jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, betulah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, soalan yang sebenarnya 10 tahun bahkan saya mencatat di sini hendak menarik perhatian Dewan tentang kesilapan dalam taip.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar iaitu mengikut Bahagian 4 Jadual A Perintah Bayaran (Perubatan) 1976, bekas-bekas anggota tentera hanya layak masuk ke wad kelas 2 dengan percuma sekiranya mereka telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan juga gaji terakhir mereka ialah kurang daripada \$380.00. Kementerian Kesihatan juga bersetuju bahawa keadaan sudahpun berubah semenjak peraturan tersebut dibuat dan tindakan sedang pun diambil untuk mengkaji semula Perintah Bayaran (Perubatan) 1976 ini.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, menilik kepada bilangan askar-askar kita ditambah dengan begitu banyak, adakah Kementerian Kesihatan bercadang hendak menambahkan lagi hospital-hospital tentera daripada bilangan yang ada sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian kita memanglah menjadi rancangan Kementerian ini mengadakan hospital bahkan sebagai dasar di tiap-tiap daerah sepertimana pernah diumumkan. Saya juga telah difahamkan, mungkin Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri dapat mengatakan ini, tetapi juga difahamkan ada juga cadangan pihak tentera hendak mengadakan hospital-hospital sendiri.

PELABURAN DAN SEMINAR DI LUAR NEGERI

6. Tuan Alexander Lee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) bilangan pengutusan pelaburan yang dihantar ke luar negeri dalam tahun 1979 dan tempat-tempat yang telah dilawati;

- (b) bilangan pengutusan pelaburan ke luar negeri yang dicadangkan bagi tahun 1980 dan tempat yang dilawati;
- (c) bilangan projek-projek yang melibatkan pelaburan asing yang telah diluluskan dalam tahun 1979; dan
- (d) projek-projek yang telah dilaksanakan dalam tahun 1979 dan projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1978.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dalam tahun 1979, 4 rombongan pelaburan telah dihantar ke luar negeri dan tempat-tempat di mana seminar-seminar ini diadakan adalah seperti berikut:

<i>Pengutusan Pelaburan</i>	<i>Tempat Seminar Diadakan</i>
(i) Ke Eropah	... Milan—Itali Munich—Jerman Barat Manchester—England
(ii) Ke Hong Kong	... Hong Kong
(iii) Ke Singapura	... Singapura
(iv) Ke Eropah	... Amsterdam—Negeri Belanda Zurich—Switzerland Stockholm—Sweden

(b) Untuk tahun 1980, 3 rombongan pelaburan telah dicadangkan, yang mana 1 pengutusan ke Eropah telah diadakan dalam bulan Februari, 1980. Tempat-tempat di mana seminar-seminar pelaburan telah diadakan di Eropah ialah di Switzerland (Davos/Zurich) dan Belgium (Brussels). Berikut ialah 2 lagi seminar pelaburan yang dicadangkan untuk tahun 1980:

(i) Jun/Julai 1980	<i>Ke Australia/New Zealand</i> Sydney Brisbane dan Melbourne Auckland dan Wellington	} Australia } New Zealand
(ii) September 1980	<i>Ke Amerika Syarikat/Kanada</i> Vancouver, Toronto dan Montreal San Francisco, Chicago dan New York	

(c) Sejumlah 276 projek-projek yang melibatkan pelaburan asing telah diberikan kelulusan oleh Kementerian saya dalam tahun 1979;

(d) Dari jumlah 276 projek-projek ini, 60 telah memulakan pengeluaran pada akhir tahun 1979. Dalam tahun 1978, sejumlah 232 projek-projek yang melibatkan pelaburan asing telah diberikan kelulusan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

7. **Datuk Phua Cheng Leong** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah-rumah rendah yang telah didirikan mengikut negeri pada tahun 1978 dan 1979.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah awam kos rendah yang telah disiapkan dalam tahun 1978 dan 1979 mengikut negeri ialah seperti berikut:

Projek Perumahan Awam Kos Rendah Petunjuk-petunjuk Pencapaian Fizikal, 1978 dan 1979

Projek/Program	Pencapaian Fizikal (Siap)	
	1978	1979
1. Johor	534	768
2. Kedah	218	728
3. Kelantan	0	0
4. Melaka	168	208
5. Negeri Sembilan	555	571
6. Pahang	213	412
7. Perak	171	848
8. Perlis	0	0
9. Pulau Pinang	60	372
10. Selangor	1,394	841
11. Trengganu	96	180
12. Sarawak	203	148
13. Sabah	443	243
14. Wilayah Persekutuan	—	1,136
Jumlah	4,055	6,455

Dengan ini bilangan unit rumah awam kos rendah yang telah siap hingga 31hb Disember, 1979 adalah 17,836 unit atau 24.2% daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga.

PENGAMBILAN ANGGOTA TENTERA DARI SABAH

8. **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hanya tiga orang sahaja di Sabah yang memasuki anggota tentera pada tahun ini, jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil untuk menggalakkan lebih ramai lagi belia-belia Sabah untuk anggota tentera.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, pengambilan anggota-anggota baru bagi peringkat rendah di dalam (Tiga Khidmat) Tentera Darat, Laut dan Udara di Sabah

telah pun bermula pada 5hb April, 1980 yang lalu dan akan berakhir pada 25hb April, 1980 akan datang. Hasil dari pemilihan pertama pada 5hb April, lalu yang bertempat di pusat pemilihan Labuan, hanya 5 orang yang berjaya dipilih, iaitu 4 untuk tentera darat dan 1 untuk tentera udara, bukannya 3 seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tersebut hanyalah dari satu pusat pemilihan sahaja iaitu di Labuan bukannya di seluruh negeri Sabah. Dan pengambilan itu hanya merupakan pengambilan yang pertama daripada pengambilan-pengambilan daripada 8 pusat pengambilan diseluruh negeri Sabah. Proses pengambilan rekrut-rekrut baru untuk tahun ini sedang berjalan sekarang di beberapa buah pusat pengambilan di seluruh negeri Sabah. Kementerian saya memang sentiasa menggalakkan belia-belia kita bukan sahaja belia-belia dari negeri Sabah tetapi dari seluruh negeri di Malaysia ini berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia untuk sama-sama mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara Malaysia.

Kerajaan sudah pun menubuhkan satu Pusat latihan rekrut di Lok Kawi di Sabah yang boleh melatih lebih daripada 1,000 orang di pusat itu yang akan mulai berjalan dalam tahun ini pada 30hb Jun 1980. Sambutan bagi keseluruhan negara dan daripada Malaysia Timur iaitu Sarawak dan Sabah, saya telah diberitahu daripada lawatan saya baru-baru ini adalah cukup memuaskan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertahanan sedar bahawa ada golongan yang menyeru kepada belia-belia kita supaya jangan memasuki Angkatan Tentera Malaysia. Di antara punca yang mereka dapati bahawa berkhidmat dengan Tentera Malaysia tidak dapat saaraan walaupun telah berkhidmat 10 tahun. Kedua, dalam masa latihan, mereka kena dera begitu terok. Adakah kejadian ini dapat diatasi oleh Kementerian?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada bisikan-bisikan demikian tetapi bukan mereka dari golongan yang bertanggungjawab dan golongan yang besar. Mengenai soal latihan, saya rasa tidak ada latihan tentera dalam dunia ini yang boleh dikatakan ringan.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET PELAJARAN

9. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran akan dibentang dan dibahaskan di Parlimen.

Menteri Pelajaran (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang membentangkan dan membahaskan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran di Parlimen kerana kajian yang menghasilkan laporan itu bukanlah kajian atas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang sedia ada tetapi mengenai perlaksanaannya sahaja. Tambahan pula laporan ini ialah Laporan Jawatankuasa Kabinet dan dengan namanya sahaja jelaslah bahawa ianya melapor kepada Kabinet. Setelah diterima oleh Kabinet untuk dilaksanakan, laporan ini telahpun dicetak dan dihebahkan kepada masyarakat umum.

MEJOR (L) ABDUL AZIM—BAYARAN SAGU HATI

10. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab seorang pegawai Tentera Laut berpangkat major bernama Azim telah meninggal dunia sewaktu menjalankan latihan di Johor Bharu dan nyatakan amaun saguehati yang telah diberikan kepada waris yang berkenaan.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat nyatakan amaun saguehati yang telah diberikan kepada waris Major Azim kerana Major Azim masih lagi belum meninggal dunia sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai TLDM yang berpanekat Major bernama AZIM iaitu MEJOR (L) ABDUL AZIM BIN ABDUL N/400376 masih lagi panjang umurnya dan kita harap umurnya akan panjang lagi dan beliau kini masih lagi berkhidmat dalam TLDM sebagai Pegawai Memerintah KD TAHAN.

CAMPURTANGAN TENTERA ASING DI INDO-CHINA/AFGHANISTAN

11. Datuk Phua Cheng Leong minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan peranan dan campurtangan Kerajaan Russia

di Indo-China dan Afghanistan, polisi yang baru ataupun tindakan yang perlu diambil untuk menjamin keselamatan negara kita serta rantau ASEAN di sini.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat kita, campurtangan tentera-tentera asing di Indo-China adalah suatu perkembangan yang serius disebabkan oleh adanya persaingan dan pertikaian kuasa-kuasa besar iaitu Soviet Union dan China. Campurtangan tersebut dengan sendirinya mengancam keamanan, keselamatan dan kestabilan negara-negara di Indo-China dan seterusnya jika tidak dikawal mungkin akan merebak lebih luas lagi.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn bersama-sama Presiden Suharto baru-baru ini telah menegaskan pendapat selepas rundingan mereka di Kuantan bahawa untuk mencapai suatu penyelesaian politik yang berkekalan di Kampuchea, Vietnam mestilah menerima dan mengamalkan prinsip berkecuali dengan tidak sama sekali menyebelahi mana-mana pihak baik Soviet Union ataupun China.

Kita juga percaya bahawa penyelesaian kepada masalah di Indo-China yang berkekalan hanya boleh dicapai sekiranya Asia Tenggara tidak terpengaruh oleh persaingan kuasa-kuasa besar. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip matlamat ZOPFAN yang kita usahakan selama ini dan merupakan satu elemen yang penting untuk menjamin keselamatan dan kestabilan negara-negara di rantau ini.

Berkecuali dengan Afghanistan pula, Malaysia telah menjadi penganjur bersama (co-sponser) resolusi-resolusi Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam mengancam perbuatan Soviet Union itu dan menyeru supaya tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan tanpa apa-apa syarat. Malaysia, bersama-sama negara-negara lain yang bersependapat, akan menyokong usaha-usaha Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam bagi mencari penyelesaian secara aman yang akan mengakibatkan pengunduran tentera-tentera Soviet dari Afghanistan dan membolehkan rakyat negara itu menentukan masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan dari luar. Dalam konteks ini, sepertimana yang telah kita

nyatakan di Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri Luar ASEAN/EEC baru-baru ini, Malaysia menggesa supaya Afghanistan meneruskan dasar berkecualinya serta tidak terpengaruh oleh persaingan kuasa-kuasa besar.

BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD— KERJA MEMBAIKI

12. Tuan M. Mahalingam bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) memandangkan peruntukan \$10 juta diuntukkan bagi membaiki dan membaharui Bangunan Sultan Abdul Samad di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk menempatkan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan, nyatakan bila kerja-kerja ini dijangka siap; dan
- (b) nyatakan rancangan Kementerian untuk menempatkan Mahkamah-mahkamah Rendah di Kuala Lumpur di Bangunan-bangunan yang kekal.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, (a) ingin dimaklumkan bahawa kerja-kerja membaiki Bangunan Sultan Abdul Samad dijangka siap dalam tahun 1981. Mengenai (b) pula, pada masa ini Kerajaan sedang mencari tapak yang sesuai untuk dijadikan tapak-tapak bangunan kekal untuk Mahkamah-mahkamah Rendah.

JALAN-JALAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN—PEMBAIKAN

13. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau akan memperbaiki jalan-jalan yang rosak, membersihkan kekotoran dan semak samun, mempercepat pembinaan rumah pangsa untuk setinggan dan lain-lain di Wilayah Kuala Lumpur dalam tahun ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang dan akan mengambil tindakan terhadap segala perkara seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai jalan-jalan yang rosak, untuk tahun 1980 ini Dewan Bandaraya telahpun memperuntukkan sebanyak \$14,762,900 bagi kerja-kerja pembaikan jalan di sekitar Wilayah Persekutuan. Untuk memperbaiki

lagi perkhidmatan mengangkut sampah, membersihkan kekotoran dan semak samun, menyediakan tempat pembuangan sampah baru dan pembelian tong-tong sampah, Dewan Bandaraya telahpun memperuntukkan wang sebanyak \$1,140,000 bagi tujuan yang tersebut.

Mengenai pembinaan rumah-rumah pangsa untuk setinggan sebanyak \$76,952,400 telah diperuntukkan untuk perumahan kos rendah bagi golongan pendapatan rendah di Wilayah Persekutuan. Jumlah semua sekali peruntukan ialah \$92,855,300.

Selain daripada perumahan kos rendah, Dewan Bandaraya juga membina rumah-rumah panjang sebagai 'pemindahan sementara' (transit quarters) bagi menempatkan setinggan-setinggan yang dipindahkan sementara menunggu siapnya pembinaan rumah-rumah pangsa tersebut. Dewan Bandaraya bercadang untuk membina 30,000 unit perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jalan-jalan yang saya bertanya itu sudah bagus jadi saya mengucapkan terima kasih. Tetapi apa yang saya ingin mengetahui oleh kerana ianya berlubang-lubang: lubang sana, lubang sini terutama di tempat-tempat yang maju yang berjaya seperti bandar-bandar, di pusat-pusat bandar, bolehkah lubang-lubang itu ditampal dengan seberapa segera dan tidaklah ditengok sebulan, kemudian baru ditampal. Soalan yang saya tujukan ini boleh atau tidak Dewan Bandaraya menengokkan supaya jalan-jalan yang berlubang itu lekas diperbaiki iaitu dalam dua jam dapat ditampal, begitu juga lalang-lalang tidak payah ditengok lagi adakan supervisor atau sebagainya supaya lekas diracun ataupun dicangkul, bolehkah kerja yang begini cekap dapat dibuat oleh Dewan Bandaraya?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

MAKTAB TENTERA DI RAJA— PERMOHONAN MASUK

14. Datuk Choo Ching Hwa minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan pemohon untuk memasuki Maktab Tentera Di Raja semenjak 1975; dan daripada pemohon-pemohon itu berapakah yang berjaya dan

juga apakah peratusnya bagi setiap bangsa iaitu Melayu, China dan India.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan yang berbentuk sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun dari Pulau Pinang pada 17-12-79 di Dewan ini. Saya rasa jawapan saya itu sudah cukup dan saya tidak bercadang untuk menambahkannya.

HOSPITAL BESAR SEREMBAN— PELAWAT

15. Tuan Ismail bin Hashim (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian berpuashati dengan sistem mengadakan pas-pas untuk pelawat di Hospital Besar Seremban; jika ya, sama ada beliau bercadang menggunakan sistem ini untuk semua hospital di negara ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kementerian Kesihatan berpuashati dengan sistem mengeluarkan pas-pas bagi pelawat-pelawat di Hospital Besar, Seremban.

Buat masa ini pihak Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk menggunakan sistem ini di semua hospital disebabkan kemudahan-kemudahan fizikal (traffic flow) di kebanyakan hospital-hospital adalah tidak sesuai untuk melaksanakan sistem pas ini.

Walau bagaimanapun, memandangkan sistem pas ini adalah memuaskan, Kementerian ini akan mengenakan sistem tersebut di hospital-hospital yang mana kemudahan fizikal didapati sesuai.

UNDANG-UNDANG JALANRAYA DI SARAWAK

16. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada undang-undang jalanraya di Sarawak adalah sama dengan undang-undang jalanraya di Semenanjung Malaysia.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Undang-undang Jalanraya di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia adalah tidak sama.

SUKAN OLIMPIK DI MOSCOW

17. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pemuluan sukan Olympik di Moscow pada bulan Julai ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak akan mengambil bahagian dalam sukan Olympik di Moscow selagi pihak Russia tidak mengundur tenteranya dari Afghanistan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya pihak Russia mengundurkan tenteranya, adakah kita akan masuk dalam sukan ini?

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, jika ia itu adalah terjadi, terpulanglah kepada Jumaah Menteri yang akan mengambil keputusan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan akan berunding bersama-sama dengan negara ASEAN supaya berpakat memulaukan sukan Olympik di Moscow itu atas nama ASEAN supaya suara kita itu lebih besar dan lebih tegas didengar.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada pendirian masing-masing.

SAHAM BANK BUMIPUTRA/BAS MARA

18. Tuan Chua Ching Cheng (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada saham-saham bank Bumiputra dan bas MARA dijual kepada kaum Bumiputra. Jika tidak bilakah rancangan ini akan dilaksanakan.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, penyerahan milik-milik saham yang dipegang oleh agensi-agensi Kerajaan sebagai amanah kepada bumiputra akan diperbuat dalam tahun 1981. Cara penyerahan itu sedang diuruskan dan butir-butir akan diumumkan apabila sampai masanya.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

19. Tuan Chua Ching Cheng (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan

sama ada Majlis Peperiksaan Malaysia telah ditubuhkan; jika ya, nyatakan nama Ahli-ahli Majlis itu.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peperiksaan Malaysia telah ditubuhkan berkuatkuasa mulai 1-2-1980.

Keanggotaan Majlis Peperiksaan Malaysia, adalah terdiri daripada 5 Naib-Canselor Universiti, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Pengawal Peperiksaan dan 5 ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. 5 ahli-ahli yang dilantik tersebut adalah seperti berikut:

1. Profesor Dr Yip Yat Hoong,
2. Encik M. Sookalingam,
3. Puan Khalidah Adibah binti Haji Amin,
4. Encik Arni bin Haji Lampam,
5. Datuk Dr A. R. Lo Su Fook.

PERTARUHAN \$500 MENUNAIKAN FARDU HAJI

20. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menjelaskan tujuan wang pertaruhan sebanyak \$500.00 yang dikutip daripada seorang yang ingin menunaikan Fardu Haji dan sama ada seseorang itu jatuh sakit dengan tiba-tiba yang tidak membolehkan ia mengerjakan Fardu Haji akan ditafsirkan sebagai sesuatu kejadian di bawah kuasa Allah atau kemalangan dan wang itu dapat dikembalikan kepadanya.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tujuan wang pertaruhan sebanyak \$500.00 yang dikutip daripada seorang Bakal Haji itu adalah untuk menentukan bahawa hanya mereka yang benar-benar mempunyai niat untuk menunaikan Fardu Haji, mendaftar diri dengan Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH). Dengan cara itu barulah Perancangan Penerbangan Catar Haji dapat diatur dan muatan bagi tiap-tiap penerbangan dijamin.

Sekiranya wang pertaruhan itu tidak diwajibkan, akan terdapat ramai mereka yang menarik diri di saat yang akhir dan perbuatan itu bukan sahaja akan merosakkan Jadual Penerbangan yang telah ditetapkan bahkan akan merugikan pihak Lembaga Urusan Tabung Haji sekiranya terdapat kekosongan-kekosongan di dalam Penerbangan Catar Haji.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini adalah disahkan bahawa seorang Jemaah Haji yang jatuh sakit dan tidak boleh meneruskan rancangannya untuk menunaikan Fardu Haji akan diberi pertimbangan untuk dikembalikan wang pertaruhannya itu dengan syarat beliau mengemukakan perakuan doktor mengenai penyakitnya itu.

Puan Zawiah binti Abdullah: Adakah benar pihak Lembaga Urusan Tabung Haji membuat pungutan kepada bakal-bakal Haji sebanyak \$10 tiap-tiap seorang untuk dijadikan Tabung Kebajikan. Kalau benar, untuk kegunaan apakah wang ini dipergunakan?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Kalau \$10 tidak benar.

KAKITANGAN KERAJAAN YANG BANKRAP

21. Puan Zawiah binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kakitangan Kerajaan, mengikut jantina, termasuk mereka dari Badan-badan Berkanun yang telah diisytiharkan bankrap; dan
- (b) sama ada tindakan tatatertib telah diambil terhadap mereka.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, jumlah kakitangan Kerajaan yang telah diisytiharkan bankrap ialah seramai 591 orang; yang terdiri daripada 571 lelaki dan 20 orang perempuan. Berkaitan dengan bilangan pegawai-pegawai Badan Berkanun yang telah diisytiharkan bankrap pula, jumlah ini tidak diketahui oleh sebab Jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Pemegang Harta Malaysia tidak mempunyai rekod mengenainya.

Tindakan tatatertib boleh diambil mengikut Seksyen 10 (2) Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Perintah-perintah Am, Bab 'D' 1969 yang menyatakan bahawa seorang pegawai yang bankrap adalah dianggap sebagai semestinya mencatatkan kecekapannya. Tindakan tatatertib ini memang ada dijalankan berdasarkan kepada merit sesuatu kes itu. Seksyen 10 (6) dalam Peraturan yang sama juga menyatakan bahawa seseorang pegawai yang bankrap akan

hilang kelayakannya untuk kenaikan pangkat atau memangku sesuatu jawatan yang lebih tinggi atau melompati Sekatan Kecekapan. Hukuman mengikut Seksyen 10 (6) itu telah pun dijalankan oleh Kerajaan.

PENCEMARAN UDARA BAGI KENDERAAN BERMOTOR

22. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kenderaan bermotor yang mengeluarkan asap yang melebihi had yang ditetapkan di bawah peraturan 'Motor Vehicles (Control of Smoke and Gas Emission) Rules 1977' yang telah ditahan dan didenda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat Yang Berhormat atas pencemaran udara. Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 telah dikuatkuasakan pada 15hb Mac, 1978. Penguatkuasaan Kaedah-kaedah tersebut dikendalikan bersama oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya.

Dari rekod-rekod kempen penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 1979, sebanyak 760 surat saman dan 445 surat amaran telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang telah melepaskan asap yang berlebihan.

Seperti juga, dalam dua bulan pertama tahun 1980 sahaja, sejumlah 561 surat saman dan 118 surat amaran telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang telah melepaskan asap yang berlebihan.

Dari rekod yang diterima daripada pihak Polis, sebanyak \$34,880 telah dibayar oleh pemandu-pemandu kenderaan yang melanggar Kaedah-kaedah itu sehingga hari ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kuasa ini meliputi kenderaan-kenderaan yang dipunyai oleh Kerajaan seperti lori JKR atau Badan-badan Berkanun sebab rakyat tahu bahawa lori-lori ini juga mengeluarkan asap. Adakah juga terlibat dikenakan kuasa ini?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, termasuk semua kenderaan Kerajaan.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, saya difahamkan bahawa pemeriksaan yang dilakukan sekarang ini kepada kenderaan bermotor adalah dijalankan tiap-tiap 6 bulan sekali. Boleh atau tidak Kementerian ini mengadakan pemeriksaan kepada kenderaan bermotor ini tiap-tiap 3 bulan sekali?

Yang keduanya, dapat atau tidak Kementerian ini mengadakan satu sistem iaitu sepertimana yang kita lihat di negeri Jepun, setelah kenderaan itu diperiksa diadakan satu pelekat (sticker) kepada kereta itu yang menunjukkan bahawa kereta itu telah diperiksa dan tiap-tiap 3 bulan atau 6 bulan sekali kereta-kereta ini akan diberi pelekat-pelekat yang menunjukkan bahawa kereta-kereta ini sudah diperiksa dan dengan itu tidak lagi kena denda-denda ini.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat itu. Untuk menjawab soalan tambahan pertama berkaitan dengan bolehkah pemeriksaan yang sekarang dijalankan setiap 6 bulan dikurangkan kepada 3 bulan untuk memeriksa kereta-kereta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang ini menguji kereta-kereta perkhidmatan awam (public service vehicles) dan perniagaan seperti bas, teksi, lori dan lain-lain setiap 6 bulan di Pejabat RIMV seluruh Semenanjung Malaysia. Untuk tujuan ini 35 buah Hattrick Mark II Smoke Meter telah digunakan. Jikalau ini dikurangkan iaitu dari 6 bulan kepada 3 bulan saya ingat tidak seimbang oleh kerana tempat-tempat ini akan mengalami congestion problem tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Untuk menjawab soalan tambahan kedua iaitu tanpa butir-butir lanjut tentang sistem yang diamalkan di Jepun, saya tidak dapat menentukan maksud pemeriksaan ini. Sistem ujian yang diadakan sekarang di mana kereta-kereta diberi sijil ujian oleh bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya adalah didapati memuaskan. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu

akan diambil pertimbangan dan akan disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

JEMAAH HAJI—PERANGKAAAN KEMATIAN

23. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan jumlah jemaah haji Malaysia yang:

- (a) mati kerana sakit;
- (b) hilang dan tidak diketahui sama ada hidup atau mati;
- (c) mati di rumah sakit di Mekah; dan
- (d) mati dalam peristiwa awal Muharram di Mekah dan sama ada keluarga si mati diberi saguhati oleh Kerajaan Saudi Arabia.

Dato Haji Hohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, perangkaan kematian Jemaah Haji Malaysia dalam Musim Haji Tahun 1979, adalah seperti berikut:

- (a) Jumlah kematian kerana sakit adalah seramai 159 orang.
- (b) Bilangan yang hilang dan tidak diketahui sama ada hidup atau mati adalah seorang sahaja iaitu Haji Saad bin Yaacob.
- (c) Jumlah yang telah meninggal dunia di Rumah Sakit di Saudi Arabia adalah:
 - (i) Rumah Sakit Malaysia, Mekah ... 24 orang
 - (ii) Rumah Sakit Zahir (Arab Saudi), Mekah 2 orang
 - (iii) Rumah Sakit Jeddah 2 orang
 - (iv) Dispensari Madinah 1 orang
- (d) Dalam Peristiwa Awal Muharram di Mekah seorang sahaja Jemaah Haji Malaysia telah hilang dan tidak diketahui sama ada beliau hidup atau mati seperti diterangkan bagi jawapan (b) di atas. Laporan mengenai kehilangan Haji Saad bin Yaacob telahpun dibuat kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Arab Saudi dan soal saguhati bagi keluarga beliau sedang diuruskan oleh LUTH bersama Kedutaan Besar Malaysia di Jeddah.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Memandangkan kepada keadaan yang agak semakin tegang di Timur Tengah apakah jaminan-jaminan yang didapati oleh Kerajaan

Malaysia untuk keselamatan jemaah haji pada tahun ini. Apakah jaminan-jaminan keselamatan yang didapati oleh Kementerian ini mengenai jemaah haji pada tahun akan datang.

Dato Haji Hohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian yang berlaku di Timur Tengah itu tidaklah boleh diragukan rancangan-rancangan dan persiapan Tabung Haji untuk mengendalikan jemaah-jemaah haji ke Mekah. Ini adalah satu kejadian mungkin jadi mungkin tidak. Ini kehendak Allah subhanahu wa taala.

HAIDRO-ELEKTRIK PELAGUS RAPIDS DI SARAWAK

24. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada laporan mengenai rancangan haidro-elektrik Pelagus Rapids di Sarawak telah disiapkan oleh pakar-pakar perunding Jerman Barat dan nyatakan sama ada "Asean power sharing scheme" di antara Thailand, Malaysia dan Singapura akan dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kajian mendalam mengenai rancangan haidro-elektrik Pelagus Rapids di Sarawak termasuk kajian mengenai Electricity Master Plan Study for Sarawak sedang dijalankan oleh syarikat perunding Lovemeyer International dan kedua-dua kajian ini dijadualkan akan siap pada bulan Oktober, 1981. Namun yang demikian laporan awal Electricity Master Plan Study for Sarawak untuk memilih tapak haidro-elektrik yang terbaik dijadualkan akan siap pada bulan Jun ini. Laporan interim ini termasuk satu penilaian pra-technical mengenai hantaran high voltage direct current ke Semenanjung Malaysia.

Berkenaan dengan rancangan "ASEAN power sharing scheme" yang melibatkan pertukaran tenaga yang banyak di antara Malaysia, Thailand dan Singapura, rancangan itu tidak akan dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, pada masa ini PUB Singapura dan LLN adalah dihubungi dengan satu kabel berkeupayaan 22 kilo-volt supaya

pemindahan tenaga elektrik yang terhad untuk tabung sebarang kekurangan bekalan elektrik di kawasan selatan Semenanjung Malaysia dapat dilakukan. Bagi tujuan yang sama satu perhubungan talian atas berkeupayaan 132 kilo-volt di antara Igat Selatan Negeri Thai dan LLN telah dirancang dan projek ini dijadual akan siap pada bulan Ogos tahun ini.

PROJEK-PROJEK PERUMAHAN DI LADANG

25. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah projek-projek perumahan di Ladang-ladang di bawah Rancangan Memiliki Rumah Pekerja-pekerja (*Workers Home Ownership Scheme in Estates*) yang dimulakan mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Laporan Jawatankuasa Petugas yang memperakukan satu skim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang-ladang dan lombong telah dikemukakan kepada Kerajaan pada bulan Mei, 1973. Walau bagaimanapun, pada tahun 1976 satu tabung pusingan telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai skim ini. Sejak itu Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah positif untuk menggesa majikan-majikan ladang dan lombong untuk melancarkan skim ini.

Kementerian saya telah juga mengadakan beberapa perbincangan dengan Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu peraturan yang sesuai pemecahan (sub-division) tanah-tanah ladang dan lombong serta untuk menentukan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meluluskan pelan-pelan dan bayaran-bayaran yang harus dikenakan. Perbincangan berasingan terpaksa dibuat dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri kerana hal ehwal tanah adalah termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa kita telah berjaya mengadakan satu peraturan am dalam perkara ini yang dapat diterima oleh hampir semua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri yang lain telah juga bersetuju secara prinsip

terhadap skim ini dan adalah dijangka akan meluluskan peraturan-peraturan lanjut mengenainya tidak lama lagi.

Mengenai pelaksanaan skim ini sambutan dari majikan-majikan adalah sangat menggalakkan. Misalnya, Barlow-Boustead Agency Sdn. Bhd. telah siap membina 232 unit rumah di Ladang Batu Perkaka, Kuala Ketil, Kedah dan unit-unit ini telahpun diduduki oleh pekerja-pekerja. Pembinaan rumah-rumah ini dijalankan dalam dua peringkat, peringkat pertama dalam tahun 1977 dan peringkat yang kedua pada tahun 1978. Ladang Tannamaran, Batang Berjuntai, Selangor Sime Darby Plantation telah siap membina 110 rumah. Kerja-kerja untuk membekalkan api kepada rumah-rumah ini sedang dijalankan dan dijangka akan siap tidak berapa lama lagi. Di Ladang Dovenby, Sungai Siput Perak yang dimiliki oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang sejumlah 108 unit rumah-rumah telah siap dibina dan sedang diduduki sekarang.

Di Johor Kerajaan Negeri baru-baru ini telah memberi kelulusan kepada plantation agency untuk membina 192 unit rumah di ladang Han Yang Masai, Johor. Kerajaan Johor telah juga memberi kelulusan yang sama kepada Sime Darby Plantation untuk membina 100 unit rumah di ladang kelapa sawit Pulau, Johor.

Selain daripada yang dinyatakan di atas sejumlah 51 tuan-tuan punya ladang dan lombong telah menunjukkan minat mereka untuk menyertai skim ini. Mereka termasuk 8 di Johor, 16 di Selangor, 4 di Negeri Sembilan, 17 di Perak, 3 di Pahang, 1 di Melaka dan 2 lagi di Kedah. Beberapa buah ladang dan lombong yang lain sekarang sedang membuat persediaan untuk mengemukakan rancangan mereka. Skim ini memerlukan penyertaan secara sukarela daripada tuan-tuan punya ladang dan lombong dan Kementerian saya akan terus menjalankan usaha-usahanya untuk menggesa lebih ramai lagi majikan untuk menyertai dalam skim ini.

ISTILAH BUMIPUTRA DALAM PERLEMBAGAAN

26. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada seorang Islam dari luar negeri yang kemudiannya mempunyai kerakyatan Malaysia dan seterusnya berkahwin dengan seorang

membayar atau memberi subsidi kos pengangkutan anak-anak pekerja mereka ke sekolah, sama ada secara sukarela atau selepas dirundingkan dengan pekerja-pekerja atau wakil-wakil Kesatuan mereka.

Pegawai-pegawai dari Kementerian saya, kadangkala telah menggunakan jasa baik mereka untuk menggesa pihak-pihak pengurusan ladang untuk membantu dalam perkara ini.

Tidak ada Undang-undang sekarang yang menghendaki pihak pengurusan Ladang membayar kos pengangkutan anak-anak pekerja-pekerja ladang yang bersekolah. Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai pelajaran yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, baru-baru ini telah memperakukan bahawa pengurusan ladang patutlah menimbang dan menilai perkara ini dengan tujuan untuk mendapat kecapaian pelajaran yang lebih baik serta meningkatkan "mobility" ekonomi dan sosial di kalangan anak-anak itu. Jawatankuasa Jemaah Menteri mengakui bahawa perkara ini adalah merupakan satu masalah dalam pelajaran kanak-kanak itu. Kita sekarang sedang menimbang cara-cara yang sesuai untuk melaksanakan perakuan Jawatankuasa Jemaah Menteri itu.

KEDAI PAJAKGADAI

38. Tuan V. V. Aboo minta Menteri perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada terdapat undang-undang yang menyatakan bahawa kedai-kedai pajak di negara ini hendaklah memberi notis terlebih dahulu kepada pemajak-pemajak apabila tarikh pajakan akan berakhir; jika ada undang-undang demikian mengapa ia tidak dikuatkuasakan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tidak terdapat apa-apa peruntukan baik dalam Akta

Senarai bank

Development & Commercial Bank	Kedah, Trengganu, Kelantan.
United Malayan Bank Corporation	Semua Negeri kecuali Perlis.
Oversea-Chinese Banking Corporation	Kedah dan Kelantan.
Perwira Habib Bank	Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Wilayah Persekutuan, Trengganu dan Kelantan.
United Asian Bank	Kedah
Oriental Bank	Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Pahang dan Kelantan.
Malayan Banking Berhad	Semua negeri kecuali Penang dan Melaka.
Bank Bumiputra (M) Bhd.	Semua negeri kecuali Penang dan Melaka.

Pemegang Pajakgadai, 1972 mahupun Peraturan Pemegang Pajakgadai, 1972 yang mewajibkan pihak pemegang lesen menghubungi penggadai-penggadai sebelum tempoh penebusan sandarannya berakhir.

Walau bagaimanapun, di atas tiap-tiap surat penggadai yang dikeluarkan kepada penggadai-penggadai tarikh terakhir yang membolehkan seseorang penggadai itu menebus barangnya ada dicatitkan dengan terang dan ini sudah memadai untuk mengingatkan penggadai-penggadai dan tidak perlu dikeluarkan surat notis kepada penggadai-penggadai.

TANAH SIMPANAN MELAYU— CAGARAN BANK

39. Tuan Haji Mahmood Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang telah membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan menerima Tanah Simpanan Melayu sebagai cagaran dan nama-nama bank dan syarikat kewangan yang telah memberi pinjaman dengan cara ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kuasa untuk membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan menerima Tanah Simpanan Melayu sebagai cagaran, adalah dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh itu terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing sama ada untuk memberi kebenaran atau tidak kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan bagi maksud tersebut.

Mengenai maklumat-maklumat yang dikehendaki itu, setakat ini di Semenanjung Malaysia terdapat tujuh buah negeri serta Wilayah Persekutuan yang telah membenarkan beberapa buah bank-bank menerima Tanah Simpanan Melayu sebagai cagaran untuk pinjaman, iaitu:

*Negeri yang telah memberi kelulusan (Secara
mewartakan bank-bank itu sebagai Melayu atau
kelulusan oleh Ruler in Council)*

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—PENGELUARAN CARUMAN

40. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kewangan menyatakan syarat-syarat yang dikenakan berhubung dengan pengeluaran satu pertiga daripada caruman Wang Simpanan Pekerja apabila meningkat umur 50 tahun, dan sama ada beliau sedar bahawa pengeluaran seperti ini dianggap sebagai pinjaman dan apabila tiba masa pengeluaran baki caruman setelah meningkat umur persaraan 55 tahun, bunga telah dikenakan ke atas pengeluaran satu pertiga itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Angapan Yang Berhormat bahawa pengeluaran satu pertiga daripada caruman wang simpanan pekerja oleh seseorang pencarum apabila meningkat umur 50 tahun dikenakan faedah adalah tidak benar. Pengeluaran 1/3 dari wang caruman KWSP adalah tertakluk kepada peruntukan 13 (1A) Ordinan KWSP, 1951. Mengikut peruntukan tersebut, pencarum-pencarum adalah layak untuk mengeluarkan 1/3 dari carumannya semasa umur mereka mencapai 50 tahun. Pengeluaran ini dibenarkan dengan syarat mereka membuat permohonan secara rasmi kepada KWSP. Selain dari itu tidak ada syarat-syarat lain yang dikenakan ke atas pengeluaran tersebut. Bagaimanapun sukalah saya menjelaskan di sini bahawa bagi pencarum-pencarum yang memilih skim pencen, pengeluaran 1/3 ini ialah dari jumlah caruman berserta faedah sahaja, iaitu tidak termasuk caruman majikan; manakala bagi pencarum-pencarum yang bukan dalam skim berpencen mereka boleh mengeluarkan 1/3 dari jumlah caruman keseluruhan pada waktu itu. Seterusnya pengeluaran ini adalah tidak dikenakan apa-apa kadar faedah. Oleh itu, soal pengeluaran 1/3 ini dianggap sebagai pinjaman seperti yang dibangkitkan di atas adalah tidak timbul.

LAWATAN MENTERI KEWANGAN KE KUWAIT

41. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Kewangan menyatakan hasil perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin negara Kuwait dalam lawatan beliau yang tidak lama dahulu dan nyatakan sama ada beliau akan membuat lawatan ke lain-lain negara Arab pada masa akan datang.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Ada pun tujuan lawatan rasmi rombongan saya ke Kuwait pada 8hb dan 9hb Mac, 1980 yang lalu ialah untuk membincangkan beberapa aspek kerjasama dalam bidang ekonomi dan kewangan di antara negara kita dengan Kuwait. Suka saya melaporkan bahawa lawatan ini telah mencapai kejayaan yang besar dan mempereratkan lagi perhubungan antara kedua negara.

Dalam tempoh lawatan tersebut, satu Perjanjian bagi menubuhkan sebuah Syarikat Usahasama antara PERNAS dengan "Kuwait Real Estate Investment Consortium K.S.C. (KREIC)" dan "The Public Institution For Social Security (PIFSS)" telah ditandatangani ringkas (initialled) oleh PERNAS, KREIC dan PIFSS. Syarikat itu telah diberi nama "Malaysian Kuwaiti Investment Co. Sdn Bhd." yang mempunyai modal dibenarkan sebanyak \$250 juta. PERNAS akan memiliki 52% saham syarikat itu.

Saya telah jua menandatangani satu Perjanjian Pinjaman dengan "Kuwait Fund for Arab Economic Development". Di bawah Perjanjian tersebut Kuwait Fund akan memberi pinjaman berjumlah 5.5 juta Kuwaiti Dinar (M\$43 juta) untuk membiayai projek Elektrik Haidro Trengganu.

Selain daripada ini, saya telah berbincang dengan Menteri Minyak dan Menteri Kewangan Kuwait mengenai kerjasama dalam bidang minyak, pelaburan dan perdagangan. Hasil perbincangan ini adalah sangat memuaskan.

Mengenai soal sama ada saya akan membuat lawatan ke lain-lain negara Arab pada masa akan datang, ini terpulanglah kepada keadaan kemudian nanti.

PEMBORONG KECIL BUMIPUTRA— KESULITAN BAHAN BINAAN

42. Tuan Haji Muhamad Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemborong-pemborong kecil bumiputra di Kelantan sedang menghadapi kesulitan bahan-bahan binaan yang menyebabkan pemborong-pemborong itu menemui kegagalan dalam perusahaan kontrek mereka, selain dari kekurangan itu mereka pula dibebankan dengan syarat-syarat baru oleh pembekal-pembekal mereka dengan bayaran

tunai lebih dahulu untuk mendapatkan barang-barang keperluan binaan tersebut. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasinya.

Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembangunan yang berlaku di Negeri Kelantan pada masa ini adalah begitu pesat sekali dan tempoh masa pencapaiannya adalah di dalam masa yang singkat. Disebabkan oleh pembangunan yang pesat ini maka adalah diakui terdapat beberapa kerumitan ke atas pembekalan bahan-bahan binaan seperti simen dan batang besi keluli. Walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan bahawa di dalam perkara ini Kerajaan tidak berpeluk tubuh serta mendiamkan diri tetapi sebaliknya Kerajaan telah dan akan terus bekerja dengan lebih giat lagi bagi memastikan bahawa semua pemborong-pemborong terutamanya pemborong-pemborong bumiputra mendapatkan barang binaan dengan secukupnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya masalah besar yang telah menyebabkan kekurangan bahan-bahan binaan di Kelantan khususnya simen adalah berpunca daripada masalah pengangkutan. Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah positif di mana pada masa ini terdapat peraturan-peraturan yang menghendaki pihak Keretapi Tanah Melayu memberikan jumlah gerabak-gerabak pengangkutan dengan secukupnya kepada pembekal-pembekal simen yang membekalkan ke Negeri Kelantan. Di samping peraturan yang disebutkan di atas Kerajaan juga telah membuat satu peraturan dengan Kerajaan Negeri Thai mengenai kebenaran bagi menggunakan pengangkutan keretapi melalui Padang Besar ke Sungai Golok bagi mengangkut bekalan simen ke Negeri Kelantan daripada Syarikat Pengeluar di Perlis. Dengan bertambahnya bilangan-bilangan gerabak pengangkutan bekalan simen ke Negeri Kelantan akan sentiasa cukup untuk kegunaan projek-projek pembinaan. Di samping ini pihak Keretapi Tanah Melayu telah bersetuju menjadikan stesyen keretapi Pasir Mas sebagai satu "Discharging Point" untuk mengawal dan menguruskan dengan segera. Kementerian saya juga telah mendapatkan persetujuan daripada Syarikat-syarikat Kenderaan untuk memberi kerjasama di dalam usaha Kerajaan mempercepatkan kerja punggah-memunggah simen. Dengan adanya peraturan baru ini bekalan simen ke

Kelantan telah meningkat dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat keperluan simen bagi Negeri Kelantan pada tiap-tiap bulan yang berjumlah lebih kurang 9,000 tan akan dapat dicapai dan dengan berdasarkan data-data bekalan bagi bulan Mac yang berakhir 15hb Mac, 1980 bekalan yang telah dihentarkan melalui keretapi adalah sebanyak 6,356 tan.

Mengenai bekalan besi keluli pula Kerajaan dalam tindakannya untuk menentukan bekalan besi keluli yang cukup telah mengadakan satu sistem di mana setiap pemborong yang mengusahakan projek-projek Kerajaan akan dibekalkan dengan besi keluli daripada Syarikat Pemas Trading. Dengan peraturan ini maka bekalan besi keluli bagi projek-projek lain akan diperolehi oleh pemborong-pemborong binaan daripada syarikat-syarikat pengeluar yang lain.

Daripada bulan April tahun 1979 sehingga bulan Mac, 1980 jumlah bekalan besi keluli (mild steel and High Tensile Deformed Bars) adalah sebanyak 10,193 tan di samping itu Syarikat Pemas Trading sedang berusaha untuk membawa masuk bekalan besi keluli dari Singapura ke Kota Bharu dengan menggunakan pengangkutan jalan sebagai satu langkah menentukan bekalan bahan-bahan binaan mencukupi di Negeri Kelantan.

Mengenai bayaran-bayaran tunai yang dikenakan ke atas pemborong-pemborong bagi mendapatkan barang-barang keperluan, amalan serupa ini adalah merupakan syarat perjanjian di antara pembekal dan pembeli dan adalah dirasai bahawa tidak wajar bagi pihak Kementerian dan mana-mana pihak ketiga mencampurinya dan mengikut Peraturan Undang-undang mengenai kawalan bekalan syarat seperti ini boleh dikenakan. Walau bagaimanapun, jika terdapat syarat-syarat lain tindakan sewajarnya boleh diambil jika pihak-pihak yang terlibat tampil ke hadapan.

BIJIH TIMAH DAN PENGELUARAN TAHUNAN

43. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) pengeluaran tahunan bijih timah dalam negara serta nama negara-negara yang mengimportnya; dan
- (b) jumlah lombong yang masing-masing dipunyai oleh kaum Bumiputra, Cina Eropah dan lain-lain.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Kee Seong): Memandangkan jawapan kepada pertanyaan ini memerlukan angka-

angka yang banyak dan panjang lebar, saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua supaya soalan ini dijadikan soalan bertulis.

Pengeluaran Timah yang terkandung dalam bijihpadat (tonne)—

	1975	1976	1977	1978	1979
	64,364	63,491	58,703	62,650	62,995

Negara-negara yang mengimpot Logam Timah dari Malaysia—

Belgium/Lexemburg	1,599	1,330	828	893	940
Bulgaria	203	1,062	341	480	630
Kanada	143	95	90	80	80
Perancis dan Monaco	890	380	75	5	—
Republik Persekutuan Jerman	1,151	2,319	225	350	1,165
Greece	138	107	75	122	112
Hong Kong	447	786	832	1,069	1,220
India	2,017	3,206	2,247	3,247	1,695
Iran	372	177	329	397	91
Itali dan San Marino	3,256	1,966	965	1,400	1,985
Jepun	10,138	18,177	14,506	15,974	16,209
Korea Selatan	789	1,077	1,009	1,497	808
Belanda	23,790	14,873	13,439	12,473	12,000
Pakistan	108	152	145	165	220
Filipina	425	410	573	611	173
Poland	1,798	780	1,400	—	300
Taiwan	695	891	1,657	2,669	512
United Kingdom	135	820	2,828	2,150	1,475
U.S.A.	22,916	29,359	25,309	23,485	19,609
U.S.S.R.	4,667	1,541	625	1,380	5,455
Yugoslavia	1,007	827	339	—	—
Lain	951	1,827	853	1,663	1,937
Jumlah ..	77,635	82,162	68,638	70,110	66,161*

*Dari bulan Januari ke Disember, 1979 sahaja

Pemilikan Lombong-lombong Timah Julai—September, 1979

<i>Dimiliki oleh</i>	<i>Bilangan lombong</i>	<i>Pengeluaran bijihpadat timah, pikul</i>
(a) Orang atau syarikat Bumiputra	36	14,142
(b) Orang atau syarikat Bumiputra berkongsi dengan orang atau syarikat bukan Bumiputra	21	4,763
(c) Badan Berkanun	9	1,760
(d) Syarikat umum (iaitu yang mana syer-syernya mudah dibeli oleh orang ramai: (i) yang ada penyertaan Bumiputra atau badan berkanun dalam modalnya (ii) yang tiada penyertaan Bumiputra atau badan berkanun dalam modalnya	38	74,721
(e) Syarikat sendiri berhad: (i) yang ada penyertaan Bumiputra atau badan berkanun dalam modalnya (ii) yang tiada penyertaan Bumiputra atau badan berkanun dalam modalnya	16	11,566
(f) Orang atau syarikat bukan Bumiputra	108	51,250
	259	70,570
	404	95,378
Jumlah ..	891	324,150

KEKURANGAN AIR DI KUALA LUMPUR/PETALING JAYA

44. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemu-

dahan Awam menyatakan bilakah kekurangan air di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya akan diatasi dan nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil supaya menjamin bahawa ini akan dicapai.

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Soalan ini telahpun dibangkitkan dulu dan jawapannya adalah sama seperti mana yang saya berikan di Dewan yang mulia pada 7hb April, 1980 ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato Haji Mohamad bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga perkara 1 hingga 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga perkara 1 hingga 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb April, 1980).

3.37 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sedang jelaskan pada petang Jumaat yang lalu, pindaan-pindaan ini juga

mencegah seseorang majikan menamatkan perkhidmatan pekerjanya, atau mengadakan "lock-out" semasa tuntutan pengik irafan masih lagi diuruskan dan belum diselesaikan oleh Kementerian saya.

Kementerian saya memainkan satu peranan yang besar dan mustahak di dalam penyelesaian pertikaian-pertikaian perusahaan. Melalui usaha perkhidmatan rundingan damai, Kementerian saya telah dapat menyelesaikan kira-kira 85% kesemua pertikaian yang dikendalikan di masa-masa yang lampau. Pindaan-pindaan yang dicadangkan sekarang bertujuan untuk mempergiatkan lagi usaha rundingan-damai serta menjadikan perkhidmatan ini lebih berkesan. Di dalam urusan rundingan damai hak-hak perwakilan, di bawah pindaan-pindaan ini, adalah sekarang terbatas kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam pertikaian itu. Seseorang penasihat, jururunding, peguam atau sesiapa pun dikenali atas apa nama jua pun yang tidak ada kena-mengena dengan pertikaian itu, adalah tidak dibenarkan daripada mewakili pihak-pihak yang bertikai itu, semasa urusan rundingan damai, oleh kerana ini bukan sahaja akan mempercepatkan urusan-urusan usaha rundingan damai akan tetapi akan juga dapat mengurangkan jurang perbezaan di dalam pertikaian sedemikian dengan ketiadaan isu-isu dan tindakan yang tidak berkaitan atau tindak-tanduk yang dipertunjukkan oleh orang-orang luar ini yang biasanya tidak dapat membantu di dalam pencapaian penyelesaian pertikaian-pertikaian itu dengan cepatnya.

Suatu perbekalan yang dibawa melalui Akta ini membolehkan seseorang majikan, sekiranya ia berniat sedemikian, membawa ke perhatian pekerja-pekerjanya sebarang maklumat mengenai rundingan bersama atau sesuatu pertikaian perusahaan yang melibatkan atau ada kaitannya dengan pekerja-pekerjanya. Pengalaman pada masa-masa lampau telah menunjukkan, bahawa atas beberapa sebab, pekerja-pekerja biasanya telah tidak permaklumkan secukupnya, terutama mereka di peringkat bawahan atas perkembangan mengenai rundingan bersama atau pertikaian perusahaan yang melibatkan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Perusahaan adalah merupakan urusan timbang-tara yang muktamad dan konklusif di dalam memutuskan pertikaian-pertikaian perusahaan

mengikut sistem perhubungan perusahaan kita hari ini. Mahkamah Perusahaan biasanya telah mendapat kepercayaan serta keyakinan ke semua pihak termasuk orang-orang awam. Walau bagaimanapun, beberapa keputusan-keputusannya telah dicabar di Mahkamah Tinggi melalui "prerogative writs". Pembicaraan di Mahkamah Undang-undang ini telah menyebabkan perasaan kekecewaan terutama sekali di kalangan pekerja-pekerja yang terlibat di atas keputusan-keputusan itu. Untuk menyingkirkan kelewatan pembicaraan mengenai keputusan Mahkamah Perusahaan dan disebabkan tindakan-tindakan yang dangkal dan mengganggu, pindaan-pindaan ini mengamalkan sesuatu perbekalan baru dalam mana sesuatu pihak yang terlibat dengan keputusan Mahkamah Perusahaan boleh memohon ke Mahkamah Perusahaan berkenaan untuk merujukkan soalan undang-undang ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Perusahaan boleh, mengikut budi bicaranya, memberi ke benaran untuk merujukkan persoalan undang-undang itu ke Mahkamah Tinggi dan sementara menunggu keputusan dari Mahkamah Tinggi, boleh juga mengarahkan pihak-pihak yang berkenaan itu mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan itu sepenuhnya atau sebahagian daripadanya. Di dalam keadaan yang lainnya, adalah menjadi tujuan Kerajaan, bahawa keputusan Mahkamah Perusahaan muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula, dimansuhkan atau dipertimbangkan di mana-mana mahkamah.

Perbekalan undang-undang mengenai keengganan pematuhan keputusan Mahkamah Perusahaan telah menimbulkan masalah yang begitu serius yang menyentuh objektif asalnya untuk menyelesaikan pertikaian perusahaan dengan cepat dan penuh keadilan. Cadangan pindaan ini bertujuan membetulkan keadaan ini. Suatu cara yang tertentu mengenai penguatkuasaan keputusan Mahkamah Perusahaan adalah diperbekalkan. Denda-denda tertentu juga diperbekalkan atas keengganan pelaksanaan keputusan Mahkamah Perusahaan dan dalam keadaan di mana denda-denda telahpun kini wujud, akan dipertingkatkan lagi.

Suatu lagi perbekalan yang mustahak adalah diperkenalkan melalui Seksyen kecil 5A kepada Seksyen 30 Akta ini dalam mana Mahkamah Perusahaan, di dalam menimbangkan sebarang pertikaian, boleh mengam-

bil perhatian atas sebarang perjanjian atau tatacara amalan perkhidmatan yang dipersetujui di antara wakil-wakil pertubuhan majikan dan pertubuhan pekerja yang telah diluluskan oleh Menteri. Ini, adalah menjadi harapan saya, akan membawa kepada amalan-amalan perhubungan perusahaan yang lebih baik dan akan membantu di dalam mengelakkan wujudnya pertikaian perusahaan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, istilah "public utility service" adalah dicadangkan digantikan dengan istilah "essential service" dan Jadual kepada Akta ini dipinda dengan ditambah beberapa perkhidmatan dan industri yang dirasakan begitu penting. Tempoh notis yang diperlu untuk pelancaran mogok atau "lock-out" bagi perkhidmatan penting ini adalah sekarang ditambah dari 2 minggu ke 21 hari.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mencadangkan pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 ini, saya ingin menegaskan bahawa pindaan ini tidak sama sekali menukar rupa-bentuk dan sifat-sifat sistem perhubungan perusahaan yang kini wujud. Bahkan ianya akan memperkukuhkan serta memperbaiki sistem yang ada sekarang ini dengan adanya beberapa perbaikan atas cara-cara yang mengujudkan sekatan-sekatan atas penamatan perkhidmatan, "lock-out" dan picket semasa urusan pengendalian pengiktirafan kesatuan sekerja masih lagi diteruskan, mengukuhkan lagi jentera perundingan bersama dan perbincangan bersama dan secara amnya memperbaiki perbekalan Akta ini supaya ianya lebih berkesan. Kedua-dua pihak majikan dan pekerja-pekerja serta kesatuan-kesatuan mereka semestinyalah mengalu-alukan cadangan pindaan yang pada keseluruhannya adalah sangat berfaedah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ini ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk Dr Wee Khoo Hock.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1980 seperti yang saya menyokong juga Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980, yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 11hb April ini.

Pindaan ini adalah salah satu hasil daripada kajian semula yang lama, mendalam dan lengkap meliputi keseluruhan bidang perhubungan buruh. Pemeriksaan sedalam-dalamnya, dan kajian semula yang lama, adalah meliputi Akta yang dibentangkan sekarang, dan Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980 yang telah diluluskan dan juga Ordinan Pekerjaan 1955, Akta Keselamatan Sosial 1969, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan sebagainya.

Sebenarnya, pindaan-pindaan Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 perlulah dipandang atas falsafah yang seluruh dan perspektif yang lengkap dan bukan dari segi Kesatuan Sekerja atau dari segi pemimpinnya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia yang sedang berubah-ubah dengan begitu cepatnya dan dalam dekad lapan puluhan yang memenuhi dengan bahaya, satu negara yang tidak stabil secara politik mundur terhadap ekonomi dan kurang padu antara lapisan rakyatnya sungguh mudah dilukai oleh tenaga-tenaga kerosakan dalam atau luar negeri. Bidang perindustrian yang sihat dan mengembang tentu akan menghasilkan beribu-ribu pekerjaan dan ini adalah menjadi satu asas yang penting, untuk membina satu negara yang kukuh makmur dan aman.

Selepas merdeka, dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Pertama, Kedua dan Ketiga maka industrialisasi Malaysia telah meningkat dengan menambahkan beratus-ratus ribu pekerja-pekerja. Ini dapat dibuktikan dalam bilangan Kesatuan-kesatuan Sekerja daripada 264 dalam tahun 1974 hingga 280 dalam tahun 1980, dan anggota-anggota Kesatuan-kesatuan Sekerja aualah bertambah dari 432,149 dalam tahun 1974 ke 560,000 dalam tahun 1979. Ini tidak termasuk bilangan pekerja-pekerja yang bukan anggota Kesatuan-kesatuan ini.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tenaga buruh kita adalah di antara yang paling mahir dan yang paling bebas di

kawasan dunia sebelah sini. Kebebasan dan kenikmatan hasil kemajuan pekerja-pekerja kita, adalah disebabkan kemerdekaan dan pembangunan negara kita; dan perjuangan tenaga buruh demi untuk kebaikan pekerja-pekerja negara kita patutlah dijalankan dalam konteks dan pertimbangan kepentingan awam dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan lagi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, iaitu :

“Dalam membersihkan semula Undang-undang Buruh, kita tidak mengurangkan sebarang kebebasan yang sedia wujud, tetapi hanya untuk meletakkan mereka di tempat yang sewajarnya, agar mereka itu, tidak akan lagi lalai dieksploitasi oleh pemimpin-pemimpin mereka atau Kesatuan-kesatuan Sekerja Antarabangsa yang menyamar sebagai pelindung mereka. Untuk ini tentulah dipersetujui oleh rakyat Malaysia sekalian yang telah menyaksikan kesan yang buruk terhadap tindakan MAS/AEU tahun lepas.”

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya membaca sedikit sebanyak dalam Bahasa Inggeris daripada satu laporan dari London :

(*Dengan izin*) “A nationwide steel strike has boiled into scenes of confrontation reminiscent of the depression, and Britons are anxiously asking whether the Government of Prime Minister Margaret Thatcher can successfully handle the challenge of trade union militancy.

In the first national strike in their industry in 54 years, 125,000 production workers at the state-owned British Steel Corporation left their jobs nearly two months ago, scorning an offer of a 2 per cent pay increase.

These state employees have forced more than 60,000 workers in private steel companies to join their strike, in most cases with great reluctance.

More than 1,000 pickets, including nearly 400 coal miners led by Marxist labour leader Arthur Scargill, recently battled with police and forced 2,800 workers to leave their jobs at Hadfields, a private and profitable steel firm in Sheffield.

'Intimidation has won a total victory', the company's chairman, Mr Derek Norton, said after watching what he described as 'appalling' brawls outside his factory gates.

This and other labour action has intensified demands within the Conservative Party for a crack-down on the unions, which have built up virtual legal immunity during the past century.

But while sympathetic to such views, Mrs Thatcher also recalls that her Conservative predecessor, Edward Heath, was defeated in 1974 after he took on the unions in a head-on battle.

Because of the contraction in the steel industry, thousand of strikers will have no jobs to go back to even if they succeeded in winning the 20 per cent pay increases they are seeking."

Sungguhpun Malaysia bukan Great Britain dan keadaan-keadaan dua pihak itu berbeza tetapi jikalau tidak berwaspada siapakah boleh menjamin kejadian di Great Britain itu tidak akan berlaku di Malaysia pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, kami dapati pihak MTUC akan melaksanakan tindakan picketing yang seluas-luasnya seluruh negara pada 21hb April ini. Saya menyeru kepada pihak MTUC memikirkkan semula keputusan itu demi kepentingan ketenangan masyarakat kita dan kesejahteraan sosial ekonomi negara kita yang inilah tanggungjawab utama bagi tiap-tiap rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

3.53 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Sebelum saya menyokong saya mengatakan tenaga wang dan juga tenaga manusia, kedua-dua tenaga ini adalah penting. Saya meminta kepada Kerajaan kerana saya telah sokong dan ramai lagi akan menyokong dalam Dewan yang mulia ini, tenaga wang ini sungguhpun penting tetapi jikalau tidak ada tenaga manusia, tenaga wang yang dibawa daripada luar negeri dan juga di dalam negeri ini tidak akan menjadi hasil

kepada negara oleh kerana jikalau tekanan-tekanan daripada majikan, daripada kapitalis oleh kerana keuntungannya lebih maka menghisap darah pekerja-pekerja miskin tentu sekali negara tidak akan menjadi sihat.

Saya mengatakan begini oleh kerana ini tidak ada tujuan Kerajaan di atas perkara ini. Kerajaan tidak ada bertujuan untuk menekan sebab Kerajaan tahu, Kerajaan faham dan Kerajaan telah mengatakan kepada dunia ini, bukan sahaja kepada kita iaitu kita hendak membasmi kemiskinan sebab kita tahu jikalau kita tidak membasmi kemiskinan ini nanti di dalam pekerja-pekerja kita akan diresapi oleh anasir-anasir jahat, iaitu fahaman-fahaman komunis yang nanti akan terpengaruhi buruh-buruh ini oleh kerana nanti fahaman ini mengatakan jikalau negeri ini dipegang oleh komunis pekerja-pekerja (workers) akan mendapat gaji yang banyak, perumahan-perumahan sosial standingnya lebih baik lagi daripada apa yang kita dapat pada hari ini. Ini semua akan menyerap ke dalam badan-badan pekerja-pekerja ini. Kerajaan kita faham di atas perkara ini. Maka dengan sebab itulah beberapa kali Kerajaan mengatakan akan membasmi kemiskinan di mana ada, bukan kerana di dalam kaum pekerja tetapi di mana-mana ada dengan tidak peduli bangsa, agama dan juga apa warna kulitnya, baik pun bumiputra atau tidak oleh kerana penyakit kemiskinan dirasakan oleh semua bangsa. Kita tahu sakit pahit-maungnya orang-orang yang mengidap penyakit miskin ini, dengan sebab itu kaum pekerja hendaklah dipelihara dengan baiknya.

Kerajaan kita tahu dan faham di masa penjajah dahulu cuma apa yang ada dalam negeri kita, iaitu katakan lombong, ada estet-estet orang puteh yang ada dalam negeri kita ini. Masa penjajah dahulu kita boleh bilang dengan jari kita yang sepuluh ini di mana ada kilang-kilang? Kilang tayar tak ada, semua di England; kilang besi tak ada, semua di England. Baru-baru hendak merdeka sahaja ada kilang simen di Rawang, itulah satu kilang simen—selain daripada itu boleh dikatakan cuma ada kilang kelapa sawit (crude palm oil) untuk dihantar ke England. Dia tidak dapat menghantar buah kelapa sawit itu sebabnya dibuat crude palm oil, kalau boleh dia bawa buah-buah dan batang-batangnya sekali ke England tetapi oleh kerana tidak boleh, dibuatnya crude palm oil, di sanalah dimasak dan dibuat margarine dan sebagainya.

Begitu juga getah kita dibawanya cuma dibuatkan sheet rubber, dipaaknya dan dihantar ke England. Ini keadaan-keadaan sebelum merdeka dan selepas merdeka tentu sekali kita berkehendakkan industrialisation di negeri kita ini; know-how yang kita kehendaki, modal yang kita kehendaki daripada luar. Dengan sebab itu menarik pakar-pakar luar, modal-modal daripada luar ini bukannya senang, misalnya negeri-negeri di ASEAN ini banyak; di Thailand orang boleh masuk, begitu juga di Filipina, di Singapura dan di Indonesia selain daripada negeri kita, dengan sebab itu siapa yang boleh menarik modal ini masuk ke dalam negeri. Jikalau kita asyik mogok sahaja dalam negeri ini, tiap-tiap kali mogok menuntut gaji mahal, kaum-kaum pemodal tidak akan masuk ke dalam negeri ini. Jikalau kaum pemodal tidak dapat masuk ke dalam negeri kita ini, Workers' Union Leader pun tidak akan menjadi leader, macam V. David tidak boleh menjadi pemimpin buruh sebab buruh pun nanti marah kepadanya sebab kerja tidak ada, apapun tidak ada, hendak masuk jadi ahli buruh pun tidak dapat, jadi dengan sebab itu maka Kerajaan kita berkehendakkan ini. Dengan sebab itu Kerajaan terpaksa menyesuaikan diri supaya tenaga buruh dan tenaga modal ini masuk ke dalam negeri dan menjaga hak buruh dan juga menjaga hak-hak wang (modal) masuk ke dalam negeri kita. Dengan sebab itulah saya mengatakan iaitu jikalau kita tidak bersedia hari ini, apabila modal-modal masuk ke dalam negeri kita barangkali inilah yang ditunggu-tunggu oleh Ketua-ketua Buruh yang tidak bertanggungjawab, barangkali tentulah ada risikan-risikan Kerajaan dapat diketahui, baiklah modal masuk ke dalam negeri ini kemudian apabila modal sudah masuk kita buat huru-hara, apa akan jadi modal-modal asing ini. Dengan sebab itu orang-orang asing inipun tahu atas hal ini maka Kerajaan berpendapat terpaksa Kerajaan meminda Rang Undang-undang ini. Tetapi apabila ditengok Rang Undang-undang ini seperti saya mengatakan tadi Kerajaan terpaksa berbuat adil terhadap buruh-buruh tadi. Dengan adanya Kerajaan membuat pengadilan di atas perkara ini maka diadakan Mahkamah Perusahaan yang tidak menimbang dengan berpatutan, dengan saksama berkenaan dengan tuntutan-tuntutan daripada buruh-buruh ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan iaitu kegelisahan berkenaan dengan rundingan damai. 80% daripada pertikaian di antara buruh dan majikan dapat diselesaikan dengan secara damai. Saya ingat dengan cara begini lebih baik lagi daripada esok jikalau diadakan mogok barangkali 20% kita tidak dapat apa-apa. Itu sebabnya saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Satu lagi, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri juga memikirkan macam mana negeri-negeri yang maju iaitu hak-hak buruh. Hak buruh ini mestilah dijaga oleh kerana ini adalah tercatat dalam United Nations berkenaan dengan buruh ini mesti djaga tentang kesihatan dan sebagainya, umpamanya di England, iaitu di negeri yang maju dan lain-lain negeri juga, buruh ini tidak akan menjadi buruh dan terus menerus menjadi buruh selama-lamanya tetapi Kerajaan mesti memikirkan pada hari yang akan datang di tempat-tempat yang maju buruh-buruh ini dilatih, ada sekolah malam di sekolah mereka boleh meningkat dari satu peringkat ke satu peringkat. Misalnya kalau buruh ini tidak lulus Form V, dia boleh masuk ke Form V untuk membaiki kehidupannya, jadi Kerajaan yang bertanggungjawab itu ada mengadakan kelas-kelas dewasa di dalam negeri ataupun technical school di mana mereka ini boleh masuk di sebelah malam supaya mereka boleh meninggikan taraf hidupnya. Kalau tidak buruh ini akan menyapu sampah terus selama-lamanya, buruh yang membaiki jalan akan terus membaiki jalan selama-lamanya sebab itu kerjanya. Jadi sampai mati terus menerus buruh. Orang yang mempunyai kemahuan (ambition) tetapi kalau ada kemahuan maka Kerajaan mestilah menggalakkan kemahuan rakyat itu.

Saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana pada satu hari nanti kita akan menambah kemajuan dan satu hari nanti barangkali Kerajaan atau majikan mestilah berunding di atas perkara ini maka boleh jadi daripada keuntungan (profit) keuntungan satu peratus mestilah diberi kepada satu badan Kerajaan untuk mengisi tabung ini dan satu peratus daripada itu pula diberi oleh Kerajaan untuk buruh-buruh supaya dapat meninggikan kehidupan mereka-bukan kehidupan untuk gaji tetapi dapat pelajaran untuk yang masih muda yang tua-tua tidak dapatlah hendak belajar lagi tetapi yang muda-muda yang berumur 18, 19 dan 20 tahun mereka boleh meningkat

dan boleh jadi orang-orang ini pada satu masa yang akan datang menjadi engineer, menjadi supervisor di faktori-faktori, engineer atau accountant dalam satu-satu faktori. Inilah yang kita kehendaki di dalam negeri yang maju.

Dengan sebab itu, saya dari kelmarin apabila membincangkan berkenaan dengan pindaan-pindaan ini saya menyokong oleh kerana saya tahu yang Kerajaan akan berbuat adil terhadap buruh-buruh ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan T. S. Gabriel.

4.05 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan ingin membawa satu perkara untuk perhatian oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan masalah buruh, apabila kita membawa undang-undang berkaitan dengan buruh dan masalah pekerja-pekerja di dalam negara yang kita cintai, kita mesti teringat dahulu iaitu siapakah Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat serta Timbalannya. Yang kedua, siapa pemimpin Kesatuan Kebangsaan. Ini yang penting.

Kita amat bernasib baik, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mempunyai dua orang Menteri iaitu Menteri serta Timbalan Menteri yang begitu jujur dan berdedikasi, umur belum begitu tua, berpengalaman serta pengetahuan mereka begitu tinggi. Dalam kawasan ASEAN kita mempunyai satu Kementerian Buruh yang amat tinggi kalibernya yang dipimpin oleh dua orang Menteri iaitu Menteri dan Timbalan Menteri. Dengan mempunyai dua orang Menteri yang berkali-ber tinggi hari depan pekerja-pekerja dalam negara kita pada fikiran saya telah berjanji dengan sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum Kerajaan memang sentiasa berwaspada atas masalah-masalah pekerja-pekerja yang kita sedang alami. Memang Kerajaan kita menggalakkan pertubuhan persatuan-persatuan dalam Malaysia dan Kerajaan kita tidak akan membenarkan siapa juga swasta atau majikan menghisap darah pekerja-pekerja dalam tanahair kita. Kerajaan kita akan mengawasi segala perkara

yang berlaku di dalam sesuatu majikan dan Kerajaan telah mengambil segala langkah untuk mengambil tahu kebajikan pekerja-pekerja di dalam Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga amat bernasib baik oleh sebab kita mempunyai seorang pemimpin MTUC yang begitu luas pengalamannya iaitu Dr P. P. Narayanan. Beliau telah menjadi seorang anggota kesatuan pekerja sejak beberapa tahun. Beliau juga mewakili beberapa kesatuan dalam peringkat antarabangsa. Ini telah membawakan satu kehormatan kepada negara kita. Beliau juga seorang yang moderate dan selalu bersimpati dengan masalah-masalah yang dialami oleh Kerajaan, tetapi amatlah tidak bernasib baik (unfortunately) ada juga beberapa kesatuan di tanahair kita yang mempunyai pemimpin-pemimpin yang berperangai militanisme. Ini adalah tanggungjawab kaum pekerja apabila memilih pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, mereka patut ingin lebih dahulu dapatkan pemimpin-pemimpin yang mereka pilih itu berjuang atau mewakili untuk menolong pekerja demi kepentingan pekerja-pekerja dan negara kita amnya. Ini adalah tanggungjawab kaum pekerja yang seramai 560,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengingatkan jangan mereka memberi peluang hidupnya militanisme dalam trade unions di Malaysia ini. Ini adalah penting, oleh sebab jika kita membenarkan militanisme hidup dalam trade unions habislah sistem demokrasi kita. Kita semua faham apakah itu militanisme. Jadi mereka ingin menjahanamkan sistem hidup kita, mereka selalu menentang Kerajaan yang bercorak demokrasi yang kita punyai sekarang. Jadi di dalam MTUC pada masa sekarang ada beberapa banyak pemimpin yang tidak sesuai telah dipilih untuk menjadi pemimpin oleh pekerja-pekerja. Saya harap dan saya mengesyorkan kepada pekerja-pekerja pada masa akan datang mereka hendaklah berjaga-jaga, jangan sama sekali membenarkan kehidupan militanisme dalam trade unions di Malaysia ini. Oleh kerana kita mengadakan satu Kerajaan seperti saya kata tadi sedang mengawasi masalah yang dialami oleh pekerja-pekerja dan saya syorkan kepada Kerajaan itu patutlah Kerajaan terus mengambil tahu dengan serius masalah-masalah pekerja yang sedang mereka alami. Memang ada banyak majikan-majikan melakukan perkara-perkara yang tidak sesuai dan tidak patut terhadap

pekerja-pekerja. Jadi masa ini mereka juga mempunyai pemimpin yang menentang sistem Kerajaan. Pemimpin-pemimpin yang mempunyai fikiran militan. Jadi mereka menarik pekerja-pekerja yang tak dapat fahaman yang betul. Jadi patutlah Kerajaan selalu mengawasi, mengawal dan menarik pekerja-pekerja itu ke sebelah kita.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan antara pekerja dengan Kerajaan adalah amat penting untuk sebuah negara yang sedang maju, kita sama sekali tak boleh membenarkan mogok sepertimana kejadian-kejadian yang telah berlaku di negara Barat khususnya macam di United Kingdom. Misalnya, kita membenarkan mogok selama 10 hari, apakah akan jadi kepada ekonomi negara kita, terutama sekali jika ada satu kejadian mogok umum? Pekerja-pekerja mestilah ingat kerugian besar akan berlaku kepada keluarga dan mereka sendiri. Keduanya, kerugian besar kepada negara kita. Oleh itu yang penting kita tak dapat membenarkan sesuatu golongan untuk menjahanamkan sistem demokrasi yang wujud di Malaysia sendiri sejak kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.15 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan telah diberikan sokongan dan hujah-hujah oleh rakan sejawat saya.

Saya cuma hendak menarik perhatian dua tiga perkara bahawa Rang Undang-undang ini menurut pandangan saya sebagai panduan atau suluh yang boleh memberikan kecemerlangan hidup kepada pekerja dan juga kepada majikan dalam tanahair kita ini. Jadi dengan sebab itu, Rang Undang-undang ini patut diikuti dan diamalkan peruntukan-peruntukan yang ada pada dua pihak sama ada majikan dan juga kaum pekerja.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, gemar saya membuat huraian yang lebih panjang dan yang lanjut sedikit bahawa kemajuan dan pembangunan sesebuah negara,

demikian juga hasil mahsul sesuatu perusahaan dan juga perkilangan termasuk ladang-ladang tidak dapat dihasilkan selagi tidak ada kaum pekerja. Jadi antara dua golongan ini sangat penting. Dengan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tak boleh pisahkan antara dua golongan ini. Kalau ada ladang tak ada kaum pekerja, ladang itu tidak akan berhasil, demikian juga perkilangan. Bagi sifat yang pertama, majikan ada mempunyai ada perasaan tamak, perasaan seberapa boleh mendapatkan keuntungan yang besar dan kadangkala ada sifat tindas-menindas kepada kaum pekerja dan ada juga amalan bercorak zalim yang telah dilakukan kepada kaum pekerja. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja nasib kaum pekerja itu tidak dihiraukan pada masa ini, bahkan nasib masa depan kaum pekerja, itu juga ditinggalkan. Tuan Yang di-Pertua, kaum pekerja itu terdiri asalnya daripada orang yang mengangur, kebanyakannya orang miskin, tak ada mempunyai pekerjaan dan mereka khuatir hendak membuat satu-satu bantahan, bahkan sepanjang masa memperbaiki hubungan, mengambil hati majikannya. Kepada kaum pekerja itu, Tuan Yang di-Pertua, hanya memberikan khidmat, tenaga fikiran dan masanya sepanjang hayatnya kepada majikan itu dengan tujuan supaya mereka mendapat sedikit imbuhan daripada majikan. Tetapi ada pula kalanya sebagaimana saya katakan tadi ada setengah majikan tidak begitu adil, melakukan pula ugutan dan kekerasan kepada kaum pekerja dan bagi pihak pekerja pula mempunyai kumpulan dan mengumpulkan rakan-rakannya dengan membuat tindakan mogok. Mogok itu adalah hak asasi seorang pekerja dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itulah di mana-mana negara pun termasuk kita di Malaysia ini Kerajaan menghalalkan ditubuhkan kesatuan sekerja yang begitu besar di antaranya kesatuan sekerja dapat bergabung menjadi kesatuan yang besar seperti MTUC. Dalam keadaan ini, Tuan di-Pertua, kalau berlaku pertikaian antara dua golongan yang saya sebutkan itu berterusan dan berpanjangan tidak dapat diputuskan akan menjadi satu keadaan yang menggugat keamanan dan ketenteraman di negara ini dan juga ketenteraman masyarakat antara majikan dengan kaum pekerja.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan telah menyediakan Rang Undang-undang ini dengan memberikan satu

daripada kuatkuasa dalam Rang Undang-undang ini mewujudkan Mahkamah Perusahaan. Ini saya memandangkan satu usaha campurtangan Kerajaan untuk memelihara, mengawal nasib kaum pekerja dan majikan dalam negara ini dengan menubuhkan Mahkamah Perusahaan ini yang boleh menyelesaikan pertikaian-pertikaian antara dua golongan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan banyak pertikaian antara majikan dan kaum pekerja telah dapat diselesaikan. Saya berasa besar hati dengan adanya mahkamah ini dan saya harap pada masa akan datang hukuman-hukuman yang hendak dijatuhkan oleh Mahkamah Perusahaan ini hendaklah dipertinggikan daripada keadaan sekarang. Sebab kalau dengan hukumannya rendah maka kejadian ini kerap dilakukan oleh kedua-dua golongan yang hendak mencari punca pertikaian.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam muka surat 23, Fasal 19 iaitu untuk memberi kuasa kepada Menteri memecat seseorang dari penal orang-orang yang dilantik untuk menjadi ahli Mahkamah Perusahaan, ika orang itu enggan menganggotai sidang mahkamah itu atau dia tidak hadir dalam perbicaraan mahkamah itu, seksyen kecil ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan seorang ahli penal yang sedemikian itu. Dalam kuasa memilih ini, saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri menggunakan kebijaksanaannya memilih ahli-ahli penal itu dari orang-orang yang betul-betul, yang terang-terang, yang berkeelayakan, kalau boleh kita mengambil daripada bekas-bekas hakim dan kita tidak mahu ahli penal ini orang yang ada pro pada majikan atau pro kepada buruh. Jadi keadaan yang semacam ini, saya khawatir Mahkamah Perusahaan ini tidak dapat menjalankan keputusannya dengan begitu adil. Itu pandangan saya dalam masalah ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah meluluskan dua Rang Undang-undang yang sama lebih kurang tajuk atau tujuannya yang patut diberikan sokongan oleh pekerja-pekerja dalam negeri kita ini dan juga pihak majikan dan patut juga diberi sokongan oleh Majlis Agong Kongres Kesatuan Malaysia (MTUC). Tetapi sebaliknya Kesatuan ini menentang pindaan kedua-dua Rang Undang-undang kita ini. Tentangannya itu adalah satu tindakan yang akan dibuat di seluruh negara.

Gemar saya memetik di antara kandungan tindakan yang akan dibuat oleh MTUC melancarkan tindakan berpiket di seluruh negara pada 21hb April, tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat salah seorang daripada sahabat saya. Saya mengharapkan keadaan ini adalah satu perkara yang mungkin tercetus walau pun berpiket itu keadaannya sederhana tidak seperti mogok, tetapi Kerajaan hendaklah memerhatikan dengan begitu cermat, kalau keadaan ini meruncingkan negara ataupun semua ahli-ahli Kesatuan Sekerja termasuk kakitangan Kerajaan akan berpiket pada ketika itu, Kerajaan patut tidak membenarkan lesen berpiket. Ini satu usaha, sebab Rang Undang-undang ini sudah kita luluskan dan kita beritahu rakyat, mereka berpiket juga, apa tindakan di sebalik itu, jadi saya harap Kerajaan juga akan menengokkan keadaan yang semacam ini, sebab daripada ahli Kesatuan Sekerja ini termasuk kakitangan Kerajaan dan pegawai Kerajaan, mereka juga akan berpiket dengan meninggalkan kerja, sebab mereka menurut arahan MTUC. Jadi keadaan yang macam ini, Kerajaan kenalah berfikir dahulu buat masa ini supaya tidak dibenarkan mereka berpiket, itu menurut hemah saya. Sudahlah mereka itu berpiket, mesyuarat itu juga memutuskan bahawa semua anggota MTUC dan ahli-ahli sekutunya akan memakai tali leher hitam dan tohar sebagai tanda berkabung sehingga 31hb Mei. Alangkah anihnya diarahkan kesemua ahlinya memakai necktie hitam dan berkabung, seolah-olah ada satu yang mati dengan lulusnya Rang Undang-undang ini di sisi MTUC.

Katanya ada sesuatu yang mati, sebab itu mereka berkabung. Tetapi yang sebenarnya bukannya apa yang berkabung, apa yang mati ialah kuasa MTUC itu hendak menunggang Kesatuan Sekerja atau kesatuan yang bergabung dengannya yang hendak menggunakan kuatkuasanya, dengan adanya Rang Undang-undang ini segala kehendaknya, segala penyelewengannya tidak dapat dijalankan, dengan sebab itulah segelintir manusia ini membuat tindakan-tindakan atas kepentingan mereka bukan kepentingan kaum pekerja, bukan kepentingan negara dan saya mengharapkan bahawa Kerajaan juga hendaklah memikirkan bukan semua sekali kesatuan bergabung dengan MTUC ini hanya 14% sahaja, bahkan akhir-akhir ini kesatuan yang bercorak sederhana, Kesatuan-kesatuan Sekerja yang banyak ahli-ahlinya daripada orang Melayu sudah menarik diri tidak mahu

bergabung lagi, maka akan timbullah yang berkabung dengan necktie hitam dan tohar hitam itu orang-orang yang satu keturunan sahaja, sudahlah mereka hitam, pakai necktie hitam, tohar hitam jadi ertinya pembelaan itu bererti kepada kaum itu sahaja, bukan keseluruhan pekerja dalam tanahair kita.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya dalam masalah ini, mudah-mudahan Rang Undang-undang ini dapat diluluskan dengan tidak ada apa-apa pindaan.

4.26 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama menyokong di atas Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Saya tidaklah hendak berucap panjang dalam soal ini, tetapi hanya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana dapat membuat pindaan-pindaan ini yang begitu baik iaitu untuk menjaga keadaan pekerja dan juga majikan dalam negara kita ini. Kita tahu dengan adanya Rang Undang-undang dan pindaan ini kedua-dua belah pihak mendapat keuntungan, umpamanya pihak pekerja akan dapat merasai satu-satu perkara yang selamat bagi diri mereka dan di samping itu dengan adanya Rang Undang-undang ini juga pihak majikan harus juga bertanggungjawab dan bertimbang rasa terhadap pekerja-pekerjanya. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, janganlah pula pihak majikan akan menindas kepada pekerja-pekerja di perusahaannya dan sebagainya.

Di samping itu pihak majikan juga harus memikirkan gaji pekerja-pekerja yang mana buat masa ini kadangkala ada majikan-majikan hanya memberi gaji tidak mengikut dalam undang-undang yang telah diberikan oleh Kerajaan, kadangkala mengikut sesuka hati mereka sahaja. Dengan ini kita harapkan mereka ini sama-sama menolong Kerajaan bagi meninggikan taraf dan ekonomi negara kita Malaysia.

Di samping itu juga sebagaimana yang dikatakan tadi iaitu pada 21hb April ini akan diadakan satu tunjuk perasaan atau membangkang di atas pindaan-pindaan yang dibuat oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara oleh segelintir manusia yang hanya mementingkan diri mereka sendiri sahaja. Ini tidak

banyak hanya 4-5 orang sahaja, rasa saya orang ramai tidak tahu akan usul ataupun hal-hal yang sebenarnya di atas Akta yang dibuat oleh pihak Kerajaan pada hari ini. Oleh itu saya berharap kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan, saya percaya setelah Akta ini kita luluskan, ianya dapat diberi penerangan yang lebih jelas lagi kepada pihak pekerja dan juga majikan.

Saya tidaklah hendak mengambil masa yang panjang dan dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas Rang Undang-undang pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.30 ptg.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi sokongan begitu kuat kepada Kerajaan di dalam Rang Undang-undang ini serta hujah-hujah yang sokongan itu diasaskan. Saya meminta maaf juga tidak menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu satu demi satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan yakin dengan kelulusan Rang Undang-undang ini nanti tentulah iklim perhubungan perusahaan negara ini akan lebih tenang dan kukuh dengan tidak menjejaskan hak asasi, hak kebebasan dan sebagainya dalam konteks pertumbuhan perhubungan perusahaan kita dan semuanya akan tertakluk kepada ketuhanan kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan seperti amalan yang memang telah ianya pegang teguh berwaspada supaya penindasan ataupun eksploitasinya yang tentu akan menghinakan kehormatan pekerja-pekerja kita dicegah dan Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap majikan-majikan kita yang kebanyakannya pun begitu enlightened sekiranya ada penyelewengan terjadi.

Kerajaan kesal kerana ada pihak-pihak tertentu yang telah memutarbelitkan keadaan yang sebenarnya dan mendakwa bahawa Kerajaan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, di antara lain, telah cuba melucutkan kuasa Mahkamah Tinggi kita untuk mengulangkaji keputusan Mahkamah

Perindustrian kita jika perlu dan dimohon oleh pihak-pihak yang terkilan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar sama sekali.

Berkenaan dengan cadangan pelajaran lanjutan, sekolah malam dan lain-lain untuk kepentingan pekerja-pekerja kita, ini memang adalah satu konsep yang baik dan akan diambil perhatian untuk dikaji supaya rancangan pelajaran pekerja dapat dijalankan tetapi dalam lingkungan apa yang Kerajaan sentiasa katakan menaikkan nilai ataupun mutu kehidupan pekerja-pekerja kita dan juga dalam konsep keutamaan-keutamaan rancangan-rancangan pembangunan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan pindaan-pindaan ini jentera rundingdamai akan lebih licin dan efektif. Hasrat Kerajaan ialah supaya suasana perhubungan perindustrian kita akan terus aman dan terus terjamin dengan garis-garis peraturan tetapi tidak dengan apa-apa paksaan ataupun tekanan daripada mana-mana pihak jua.

Tuan Yang di-Pertua, sistem Mahkamah Perusahaan kita akan terus diawasi dan dikaji semula dari masa ke semasa supaya effectivenessnya akan kekal dan juga cadangan supaya pemilihan ahli-ahli untuk menolong kehakiman dalam Mahkamah Perusahaan itu dapat dipilih dengan betul, pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, semua yang perlu akan dibuat supaya kadar kecekapan dan kesan jangka panjang akan terjamin untuk memelihara kepentingan pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 40 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1978)

Bacaan Kali Yang Ketiga

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$53,651,194 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam anggaran asal Belanja Mengurus 1978, dan anggaran tambahan Pertama dan Kedua, 1978. Anggaran tambahan ini telah dibentangkan dalam Dewan Negara mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1978 ini adalah berjumlah \$123,318,104 tetapi sebanyak \$53,651,194 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$69,666,910 dari peruntukan tersebut adalah merupakan perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Sebahagian besar dari Tambahan ini iaitu sebanyak \$48,005,810 adalah diperlukan oleh Kementerian Pelajaran untuk menambah peruntukan gaji kakitangan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah kerana didapati peruntukan yang dibekalkan tidak mencukupi dan juga untuk membiayai lain-lain perbelanjaan.

Tambahan sebanyak \$3,488,350 adalah dikehendaki oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Dari jumlah ini, sebanyak \$1,948,190 adalah diperlukan di bawah peruntukan "emolumen" berikutan dengan pelaksanaan

Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet manakala selainnya adalah untuk tambahan peruntukan bagi membiayai perkhidmatan perkhidmatan lain.

Kementerian Luar Negeri memerlukan tambahan sebanyak \$1,158,484 bagi menampung perbelanjaan mengenai pengurusan pentadbiran beberapa buah kedutaan di Luar Negeri dan juga untuk membiayai perbelanjaan lawatan yang dibuat oleh rombongan Majlis Persidangan Antarabangsa ke luar negeri.

Selainnya, adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perbelanjaan perkhidmatan.

Keterangan lanjut mengenai Tambahan ini adalah seperti dihuraiakan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1980.

Dengan tambahan sebanyak \$53,651,194 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1978 ialah sebanyak \$6,611,519,166. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,924,224,276 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 ialah \$8,535,743,442.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mencemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahas saya hanya suka mengingatkan bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 35 (1) seseorang Ahli Yang Berhormat hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan dan dia tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Perkara-perkara yang terletak di dalam bidang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978), 1980 adalah seperti yang terkandung dalam Kertas-kertas Perintah 8 dan 9. Hujah-hujah dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dihadkan kepada perkara-perkara tersebut sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu", dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak.

4.45 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan banyak menyentuh Bil ini hanya saya mohon kepada Kerajaan iaitu saya bercakap mengenai maksud B. 29 dan B. 31. Di dalam peruntukan dikehendaki sebanyak \$48,500,810, saya suka hendak menerangkan di sini iaitu bahagian kedua perbelanjaan sewa telefon sebanyak \$142,584.00 ialah bayaran sewaan telefon untuk Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Bahagian Sebaran Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sewaan telefon yang begitu besar dan banyak digunakan maka saya berharap pada tahun-tahun yang akan datang pihak Kementerian Pelajaran hendaklah dikemaskan dan juga hendaklah menyedikitkan perbelanjaan sewaan telefon yang begitu banyak digunakan dan janganlah hendaknya ia dibawa sebagai satu peruntukan tambahan dan ia mesti dijelaskan pada setiap tahun penggunaannya seberapa banyak yang boleh. Dan saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua, sewaan telefon yang begini banyak dan dibawa kepada permohonan tambahan untuk pembayaran sewa telefon yang begini besar jumlah duitnya adalah meragukan. Saya berharap kepada Kementerian Pelajaran pada masa akan datang supaya bayaran sewaan yang begini hendaklah ia dikecilkan, carilah ikhtiar supaya bilangan itu tidak begitu besar.

Kedua, Maskud B. 31—Kementerian Luar Negeri. Di sini ada dinyatakan permohonan tambahan sebanyak \$1,158,484 iaitu termasuk pembelian perabot, kelengkapan dan kenderaan bagi perwakilan-perwakilan Malaysia diseberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia kalau sekiranya ia datang melawat ke Eropah terutama ke London umpamanya biasanya ia tidak menumpu ke Konsol kita atau Kedutaan kita, biasanya ia menumpu ke Malaysia Hall.

Di sanalah penuntut-penuntut Malaysia akan tinggal dan diam selama berada di London sebelum dapat tempat tinggal yang tetap. Maka saya berharap kepada Kementerian Pelajaran supaya persiapan di Malaysia Hall itu hendaklah diperhatikan dan kalau sekiranya masih belum diperbeli alat yang baik maka hendaklah diperbelikan, kerana pada masa yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang juga ke London, saya menyaksikan kelengkapan-kelengkapan di Malaysia Hall itu amat menyedihkan seperti kerusi sudah rosak dan keadaan perabot tidak sempurna. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, adakah daripada peruntukan ini dikhaskan kepada perabot-perabot di Malaysia Hall di London itu. Jadi saya mohon penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan, daripada Yang Berhormat Menteri yang membawa usul ini memberi penjelasan bukan sahaja kepada saya, tetapi kepada Ahli-ahli Dewan ini. Kalau mengikut apa yang saya telah saksikan sendiri pada tahun yang lepas perabot itu bukan sahaja memalukan penuntut-penuntut kita di London sendiri, tetapi kita sendiri yang menyaksikan bahawa sudah patut perabot itu dibakar.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, perabot yang ada di kedutaan kita di Canberra umpamanya tidaklah seindah kedutaan-kedutaan yang lain. Jadi, saya harap kerana Canberra ini bagi Australia sebagai tempat yang strategic, maka saya berharap kedutaan di Australia itu sendiri hendaklah disiapkan juga perabot yang agak baik dan perabot-perabot yang kita boleh kira sebagai kelas satu untuk tempat tetamu berihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian Dewan ini iaitu pada penggunaan Kementerian Luar berkehendak tambahan sebanyak \$1,158,484,000 iaitu atas perbelanjaan bagi perkhidmatan "hot-line" sewaktu lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar Negeri. Jadi ini cuma perkara-perkara yang digunakan sahaja. Jadi, saya mohon kepada Dewan ini di masa yang akan datang hendaklah merakamkan jumlah perbelanjaan itu supaya ianya menjadi satu kaian kepada kita di sini pada masa yang akan datang. Dan juga perbelanjaan yang dibuat oleh rombongan kita di persidangan antarabangsa mengenai kedudukan ekonomi dan politik serantau dan antarabangsa. Jadi perbelanjaan itu hendaklah dizahirkan jumlahnya, bukan jumlah besar

dirangkumi semua sekali 1, 2, 3, 4 hingga 5 perkara yang jumlahnya bertambah sekian banyak. Jadi ada lebih bijak jikalau kita mengatur paragraph pertama:

Umpamanya:

	<i>Perkara</i>	<i>Jumlah</i>
Perabot	Sekian
Perwakilan-perwakilan Malaysia ke seberang laut, perbelanjaan bagi perkhidmatan "hot-line"	Sekian
Perbelanjaan wakil-wakil yang lain	Sekian

Dengan cara ini dapat dia dinyatakan dan untuk kelulusan Dewan ini saya tidak syak dan tidak waham akan sedia Dewan ini meluluskannya. Akan tetapi detailnya perlulah dicetak bersama dengan keterangan yang wujud di dalam Kertas No 9/1980 ini. Inilah permintaan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya dengan segala rendah hati menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.

4.54 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya suka bercakap berkenaan dengan B. 35, \$3,488,350—Kastam dan Eksais Di Raja.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana meminta tambahan sebanyak \$3,488,350 untuk gaji dan upahan dan tambahan kos kakitangan. Pada 7hb Mac, 1980 saya telah menghadiri Mesyuarat Perwakilan Pegawai-pegawai Kanan Kastam di Melaka yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kastam Di Raja sendiri Yang Berbahagia Datuk Abdul Rahim bin Datuk Tak.

Dalam ucapan Presidennya, beliau tidak berpuas hati kepada Kementerian Kewangan kerana promotion bagi Pegawai-pegawai Kanan Kastam sangat lambat tidak seperti Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Beliau merayu naik pangkat (promotion) Pegawai-pegawai Kanan itu disegerakan supaya jangan mereka frust dan juga menyebut pula berkenaan dengan shortage of staff. Tetapi, Alhamdulillah, pada hari ini Bill ini telah

dikemukakan oleh Kementerian Kewangan dan saya berharaplah apa yang dicakap oleh Presiden Pegawai Kastam itu dapat Kementerian jalankan iaitu berkenaan dengan promotion akan dapat dijalankan dengan segera kerana kita ada peruntukan tambahan di sini dan juga berkenaan dengan shortage of staff. Dia kata kami sangat shortage of staff. Jadi dengan adanya di dalam Butiran (Kod) 1300—Tambahan Kos Kakitangan sebanyak \$629,500 kedua-dua perkara itu dapat dijalankan. Saya berjanji dengan pegawai-pegawai Kastam hari itu, saya akan kemukakan kepada Kementerian, jadi hari ini saya berpeluang memberitahu kepada Kementerian dua perkara iaitu shortage of staff dan juga promotion. Saya menyokong Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad.

4.56 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill yang ada di hadapan kita ini.

Saya gemar merujuk Kertas Perintah 8/1980 dan juga Kertas Perintah 9/1980 sebagaimana peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya merujuk Maksud B. 6, muka 4, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Apa yang saya hendak bangkitkan ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di antara punca yang menjadikan keretapi selalu tergelincir dan rosak ialah berpunca daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya ini telah mengetahui ramai kakitangan Jabatan Perkhidmatan Keretapi yang patut diisi, tetapi tidak diisi. Dengan sebab banyak jawatan yang kosong maka Jabatan Keretapi itu membenarkan pegawai-pegawai bekerja overtime. Bila mereka sudah lemah hendak bekerja dia tidak larat lagi, lalai dan cuai. Jadi saya harap Kerajaan kena menengok hal kekurangan kakitangan dalam Jabatan Keretapi ini supaya disempurnakan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 29 Kementerian Pelajaran. Banyak peruntukan yang dia minta kepada Dewan ini iaitu berjumlah \$48 juta lebih. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menimbulkan wang diminta ini dengan tujuan untuk kakitangan Sekolah-sekolah

Menengah dan Rendah. Saya cuma hendak memberitahu Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Satu perkara yang merunsingkan kita ialah guru-guru Sekolah Rendah dan Menengah iaitu guru-guru kontrak yang datang dari Sabah seramai 200 orang tidak dihiraukan oleh Kementerian Pelajaran ini. Mereka balik dari Sabah bekerja di sini sebagai guru kontrak, guru sementara dengan gaji \$200 lebih sahaja. Bila merayu kepada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pelajaran menjawab nanti, nanti, nanti sehingga guru-guru ini menulis surat kepada ahli parti Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang. Mereka telah berkhidmat di Sabah selama lima tahun, bila balik ke mari mengapa tidak serapkan dengan seberapa pantas supaya dia menjadi seorang guru yang sama tarafnya dengan guru-guru yang ada yang telah keluar daripada Maktab, sebab Maktab di Sabah dan di Sarawak itu diiktiraf sama dengan Maktab Perguruan di Malaysia ini. Jadi keadaan ini sangat merunsingkan guru-guru dan juga anak-anak kita yang menghadapi guru-guru yang sentiasa di dalam kerunsingan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di dalam Maksud B. 31—Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak telah menyebut banyak perkara, tetapi saya ada cara lain. Pertama sekali perbelanjaan atas lawatan rasmi oleh delegasi dan tetamu Kerajaan daripada negeri-negeri asing dan bagi perbelanjaan rasmi ke luar negeri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya. Peruntukan ini patut diberikan sebab kadangkala bila kita pergi ke luar negeri perbelanjaan di negeri itu sangat tinggi, jadi peruntukan ini kita bersetuju diluluskan. Cuma yang saya harapkan dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila pergi ke luar negeri di mana juga negeri yang mereka itu pergi, pada akhir lawatannya itu hendaklah membuat satu perjumpaan dengan pelajar-pelajar kita dari Malaysia sebab perhubungan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dengan pelajar-pelajar kita di sana memberi satu kesan yang baik.

Jadi hal ini lain daripada lawatan rasmi perdagangan dan perusahaan dengan Menteri-menteri negeri yang berkenaan dengan anak-anak kita pelajar-pelajar kita juga patut kita

adakan dialog. Dengan keadaan begini ia mendatangkan muhibbah kepada pelajar itu, kepada Ketua Kerajaan atau pemimpin negeri ini sebagaimana yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sangat berkesan-sangat baik. Jadi, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Amerika, ke New Zealand, ke Canada, ke Germany dan ke Russia berjumpa dengan pelajar-pelajar kita, sebab mereka itu sudah menjadi sebagai orang dagang, bila datang sahaja pemimpin negeri ini berjumpa dengan mereka, bererti mereka sudah dapat satu naungan. Usaha ini patut diambil berat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam B. 31 (d)—Penyelenggaraan dan Pembaikan ke atas Bangunan-bangunan Canseri kita di Seberang Laut. Ini satu usaha yang sangat baik tetapi Kerajaan terus lupa. Dahulu hendak membeli tapak tanah kerana Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu di New York, sampai sekarang tanah yang sudah kita tempah tidak jadi beli, walhal bangunan ini patut kita dirikan di tempat itu kerana menjaga maruah negara kita sebagai menempatkan Wakil Tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu, pada masa sekarang kita menyewa. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil ingatan dan tapak tanah yang kita hendak beli itu terus dibeli. Barangkali Yang Amat Berhormat Tun pun tahu betapa sulitnya kita duduk dalam bangunan yang disewa, pada hal taraf kita walaupun Malaysia ini negara kecil tetapi kita sentiasa dikunjungi oleh negara-negara besar. Jadi, kalau kita dapat sebuah bangunan di atas tapak tanah kita sendiri, alangkah baiknya tetapi ini terus dilupakan oleh Kerajaan. Saya harap perkara ini dapat diambil perhatian oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B. 35—Kastam dan Eksais Di-Raja. Ini telah dicakapkan oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob, saya sokong dan ini menjadi satu kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai di Jabatan Kastam kita. Saya rasa ada satu gred jawatan yang patut dihapuskan, pada masa dahulu digunakan iaitu dalam masa penjajah Inggeris tetapi pada masa sekarang pegawai-pegawai yang bergred III itu patut dihapuskan. Gajinya hanya \$220 takkan anak-anak

Kastam kita boleh cukup dengan gaji yang semacam itu. Bila mereka menyeleweng, kita salahkan mereka. Jadi patut jawatan ini dihapuskan dan dinaikkan kesatu taraf yang lain, umpamanya, gaji \$400 atau \$500 dinaikkan Gred I dan tidak ada Gred II lagi dalam Jabatan Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh di sini Kod 1200-Elaun dan lain-lain Habuan. Ini satu masalah yang terjadi kepada Kastam kita yang sangat baik khidmatnya, yang cemerlang dalam mencegah penyeludupan, telah menangkap begitu berjaya tetapi mereka yang cedera dengan sebab dia ditembak-dia dianiaya, tidak diberi insuran. Ini satu masalah yang patut difikirkan oleh Jabatan Kastam. Polis, kalau dia cedera, dia dapat insuran tetapi Kastam tidak. Jadi tidaklah begitu sungguh-sungguh dia hendak menjalankan tugas waktu menghadapi penyeludupan yang begitu hebat pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Dewan ini iaitu Maksud B. 43—Jabatan Pendaftaran Negara. Peruntukan tambahan sebanyak \$174,300 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan Pendaftaran Negara. Saya menyokong atas permintaan ini tetapi saya mengingatkan Jabatan ini, dalam masalah pendaftaran negara, ia hendaklah begitu cermat bahawa pada masa sekarang ada satu gerakan orang-orang menyusupkan anak-anak luar daripada negeri ini masuk ke dalam negeri kita. Jadi, bila masuk ke dalam negeri ini, kanak-kanak ini diterima menjadi seorang anak angkat oleh seorang bapa angkat. Waktu hendak mendaftarkan anak-anak ini hendaklah diawasi benar-benar dari mana anak ini datang. Sebab bapa yang mengaku itu kadangkala dia mahu gunakan bin dia dia mahu mengaku anaknya, tetapi masalah ini patut Kerajaan perhatikan dengan cermat supaya kemasukan kanak-kanak haram ke dalam negeri ini dapat dibendung supaya tidak berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, B. 55—Kementerian Pengangkutan tambahan peruntukan yang diminta \$33,710. Peruntukan ini saya kira sangat baik, sangat menasabah, sebab kelincinan Pejabat Pengangkutan ini sangat dihargai oleh rakyat tetapi walau macam-manapun, kita kena mengkaji balik, sebab ada kalanya langkah-langkah dan tindakan yang dilakukan oleh Jabatan ini adalah kurang menyenangkan oleh setengah-setengah daripada mereka yang terlibat berhubung

dengan kenderaan. Kadang-kadang menyusahkan mereka walaupun pada sifatnya, pada hemahnya untuk tujuan hendak membasmi perbuatan-perbuatan yang melanggar undang-undang tetapi orang yang membawa kenderaan ini ialah manusia yang kadang-kadang berniaga, kadang-kadang motokar yang dibawanya itu motokar sewa. Kalau kita denda satu hari \$50.00 dua belas kali dalam sebulan— $12 \times 50 = \$600$ hendak bayar sewa pun tidak dapat. Jadi, apa salahnya kita nasihat dia lebih dahulu sebelum daripada kita mendenda dengan cara kompaun. Ini memberatkan pemandu-pemandu kereta termasuk juga lori-lori. Lori bila lebih sedikit, patut diambil tindakan tetapi manusia yang begini tujuannya hendak berniaga. Kalau diambil tindakan yang begitu, perniagaannya berhenti, kadang-kadang barang dalam lori itu hingga rosak. Keadaan yang macam ini merugikan rakyat, tidak menyenangkan-tidak mendapatkan kerjasama rakyat kepada jabatan ini. Oleh itu, saya fikir carikan satu jalan yang lain. Betul orang yang salah ini kita ambil tindakan tetapi kita ambil satu jalan yang sederhana supaya orang ramai-pemandu lori, kereta dengan Kementerian ini berhubung baik dari satu masa ke satu masa, sebab mereka juga mendatangkan hasil kepada Kerajaan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.

5.08 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong. Saya hendak bercakap sedikit sahaja-tidak panjang, cuma berkenaan dengan Kertas Perintah 9 Tahun 1980 mengenai Anggaran Belanja Mengurus Jabatan Laut Sarawak dan Sabah. Janganlah pula ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah mengatakan saya hendak campurtangan urusan Sabah, tidak. Tetapi ini oleh kerana Jabatan Laut Sarawak dan Sabah berkehendakkan wang \$587,150.

Di sini saya mengatakan iaitu kita tidak kira walau berapa yang dikehendaki oleh Jabatan Laut Sarawak dan Sabah, kita luluskan. Tetapi kalau kita baca akhbar baru-baru ini, perompak di laut—lanun di laut dan beberapa orang sudah mati.

Baru-baru ini 9 orang sudah mati dibunuh oleh lanun. Dan beberapa kali kita terbaca iaitu lanun-lanun ini bermaharajalela di Sabah dan di Sarawak. Dengan sebab itu saya berharap jabatan yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Laut ini menengokkan supaya jangan kejadian ini berlaku lagi yang merugikan harta dan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Kita tidaklah keberatan meluluskan perbelanjaan yang dikehendaki oleh Kementerian ini sebanyak \$1,158,484 tetapi janganlah menggunakan wang ini dengan boros. Kerana semasa saya pergi ke London dahulu, Pesuruhjaya Tinggi kita ada disediakan rumah di London, kemudiannya tidak mahu tinggal kononnya rumah itu berhantu, sebab itu hendak dibeli rumah yang lain. Ini membazirkan wang sahaja. Jadi ini juga tidak boleh dilakukan.

Selain daripada itu jikalau misalnya kereta yang diberi oleh Kerajaan kita kepada Duta atau Pesuruhjaya Tinggi itu janganlah dipakai oleh anak-anaknya ke sana ke mari, mestilah dipakai untuk duta itu sendiri. Kalau duta itu hendak pakai kereta dia boleh pakai kereta Kerajaan tetapi jangan dipakai oleh anaknya ke sana ke mari, membuang minyak Kerajaan dan sebagainya memakai kereta yang diberi oleh Kerajaan.

Maksud B. 35—Kastam dan Eksais Di Raja begitu juga kita tidak ada keberatan untuk meluluskan tambahan kakitangan, iaitu sebanyak \$629,500 dan lain-lain bekalan ataupun elaun dan lain-lain habuan. Apa yang kita berkehendak ialah supaya kakitangan Kastam ini bekerja dengan jujur, ikhlas, teratur dan sebagainya, Satu daripadanya smuggling barang-barang, yang dekat sekali ialah Singapura dan Thailand.

Ini berhubung dengan kakitangan, kalau berkehendakkan kekitangan dan sebagainya—ambil, tetapi kita hendak menjamin supaya barang-barang ini jangan masuk ke negeri kita dengan berleluasa. Ini yang kita kehendaki.

Dan mengenai under-declaration. Ada syarikat di sini, kemudian di tubuhkan pula syarikat di Singapura oleh orang Malaysia. Barang-barang ini diimport kemudian diundervaluekan. Kalau begitu kilang ini mematikan kilang-kilang yang ada dalam negeri kita, baik pun kilang apa sahaja, oleh kerana kita tidak dapat berlawan dengan kilang-kilang

luar negeri kalau pihak Kastam kita tidak menjaga dengan betul-betul teliti.

Misalnya, dibawa kertas, harga kertas ini di luar negeri memang mahal tetapi oleh kerana hendak mengelakkan cukai Kastam dia kata harga kertas ini \$8 misalnya, kalau tidak harganya \$10, \$12, \$15 sebab cukainya nanti boleh dikurangkan. Mereka ini ada syarikat di Singapura bolehlah dieksport ke negeri kita dan boleh menjual kertas ini dengan harga yang lebih murah daripada harga di kilang-kilang yang ada di sini. Ini satu daripada contohnya. Saya harap perkara ini dapat ditengokkan.

Kita tidaklah mengambil berat sangat berkenaan dengan apa yang dikehendaki di sini. Apa yang kita kehendaki ialah supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah menengokkan keuntungan untuk negara—itu yang pertama sekali, untuk kebaikan negara kita dan juga yang kita kehendaki sangat-sangat ialah kejujuran pihak Kastam yang bertanggungjawab.

Sekianlah sahaja, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock.

5.13 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya hanya akan menyentuh dua perkara sahaja.

Terlebih dahulu saya ingin menyentuh tentang Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja di bawah maksud B. 35. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja adalah sebuah Jabatan yang memainkan satu peranan yang besar dalam perkembangan ekonomi negara dan juga mengawal kegiatan-kegiatan yang tidak diingini seperti pengelakan cukai dan penyeludupan.

Dalam perkembangan sesuatu negara satu corak pentadbiran pemungutan cukai adalah sangat mustahak. Setakat ini saya berpendapat bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah pun memainkan peranannya dalam perkembangan ekonomi negara dengan cemerlang. Oleh yang demikian kita sentiasa

dapat membaca dalam surat-suratkhbar tempatan berkaitan dengan kejayaan pihak-pihak Kastam dalam mengesan kegiatan pengelakan cukai dan penyeludupan. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja ke atas kejayaan mereka ini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan-kejayaan ini telah menimbulkan sesuatu keraguan di kalangan rakyat. Nam-paknya sungguhpun Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja berjaya untuk mengesan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini ini, kita perlu juga menyoal sama ada dengan kejayaan seumpama ini kegiatan-kegiatan yang saya sebutkan di atas masih terkawal atau dikurangkan. Saya percaya pihak Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja perlu mengkaji semula sistem-sistem dan cara-cara yang dilaksanakan untuk mencegah penyeludupan dan pengelakan cukai supaya satu sistem yang lebih berkesan lagi dapat digubalkan. Mudah-mudahan kegiatan-kegiatan ini, yang pada masa sekarang, merupakan sejenis penyakit kemasyarakatan, yang jika tidak dikawal akan merebak ke paras merbahaya, dapat dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu. Saya sedar bahawa sejak baru-baru ini perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu telah mencapai kemajuan yang besar. Namun demikian saya rasa yang penting sekali bagi sesuatu kemudahan awam yang penting sekali adalah perkhidmatan kepada rakyat jelata supaya memudahkan lagi perjalanan daripada satu tempat ke tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan adalah perkembangan dalam segi perjalanan. Seperti yang kita semua sedia maklum perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu mengambil masa yang begitu lama, iaitu lebih kurang 18 jam. Pada praktik sekarang keretapi-keretapi yang menuju ke Kota Bharu dari pantai barat Semenanjung Malaysia terpaksa melalui Gemas. Ini bukan sahaja membazirkan masa penumpang bahkan juga bahanapi yang sangat berkurangan pada masa ini. Saya merayu kepada pihak Kerajaan untuk mengadakan satu peruntukan supaya lebih banyak lagi jalan-jalan keretapi dapat diadakan di negara kita untuk menunaikan hasrat rakyat. Mudah-mudahan perjalanan melalui keretapi ke seluruh cerok-rantau negara kita akan lebih menjimatkan dari segi masa dan perbelanjaan pada satu hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan lagi yang saya ingin kemukakan ialah berkenaan dengan perkhidmatan pengangkutan awam di pusat-pusat bandar. Saya rasa satu cara Kerajaan dapat mengatasi masalah ini adalah.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud berapa?

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Maksud B. 6—Keretapi juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, ini boleh dikemukakan dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja atau dalam Budget tetapi dalam perbahasan Rang Undang-undang ini saya tidak izinkan kerana tidak mengikut peraturan.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Sekali lagi saya menyokong. Terima kasih.

5.19 *ptg.*

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi. Di sini saya suka menyentuh tentang Maksud B. 29 dan Maksud B. 35 mengenai Kastam dan Eksais Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengemukakan satu masalah umum yang sering dihadapi oleh pengusaha-pengusaha semasa membuat pengimportan sesuatu bahan-bahan mentah ataupun barangan yang telah siap. Kita juga sentiasa membaca dalam suratkhbar berkenaan dengan barang-barang yang telah dirampas oleh pihak Kastam, baik disebabkan oleh kesalahan penyeludupan ataupun kesalahan yang telah dilakukan di bawah Akta-akta Kastam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kita sentiasa melihat dalam rancangan-rancangan TV semasa Berita ataupun Peristiwa stor-stor kastam di beberapa stesen kastam penuh sesak dengan barang-barang yang dirampas. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pada pendapat saya faktor yang pertama ialah kerana kes-kes kastam yang melibatkan rampasan mengambil masa yang begitu lama untuk diselesaikan.

Sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada rakyat dan negara saya tidak boleh menyalahkan pihak Kastam terhadap perkara ini kerana saya percaya setiap kes Kastam memerlukan masa yang panjang untuk penyiasatan, pengkajian yang teliti dapat diadakan. Walau bagaimanapun, saya percaya berbagai-bagai pindaan kepada Akta Kastam 1969 dapat dijalankan supaya memperketatkan pelaksanaan undang-undang ini di bawah Akta Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya satu lagi faktor yang menyebabkan stor-stor Kastam kita penuh sesak dengan barang-barang yang dirampas ialah kerana pengimport-pengimport telah melakukan kesalahan-kesalahan yang mereka tidak sedari. Ini telah juga menyebabkan pengimportan-pengimportan mereka dirampas. Saya percaya pihak Kastam akan sentiasa mengakui bahawa adalah juga kes-kes yang melibatkan barangan mereka yang dirampas adalah kerana pengimport-pengimport kurang jelas tentang kod-kod tarif. Pendekata terdapat juga antara pengimport-pengimport negara kita telah mengikrar atau mengisytiharkan pengimportan mereka di bawah kod-kod tarif yang tidak tepat tidak kerana mereka berhajat untuk mengelak cukai tetapi kerana mereka benar-benar tidak jelas tentang kod-kod tarif yang sesuai bagi pengimportan mereka. Dengan yang demikian bukan sahaja mereka mengalami kerugian kerana barangan mereka ditahan untuk satu waktu tetapi juga ekonomi negara kita adalah terjejas.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mencadangkan supaya Jabatan Kastam dan Eksais di Raja membanyakkan perhubungan dan perbincangan dengan sektor-sektor perindustrian supaya masalah-masalah yang seumpama ini dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sukacita menyentuh sedikit tentang Maksud B. 29, Kementerian Pelajaran. Kita tidak boleh nafi bahawa sejak merdeka negara kita telah mencapai kemajuan cemerlang dalam bidang pelajaran pada masa pra-merdeka dengan sekolah-sekolah dan kemudahan-kemudahan pelajaran dibandingkan dengan keadaan masa sekarang kita tentu akan berpendapat bahawa kemudahannya telah banyak bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah satu perkara yang penting bagi kemajuan sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara adalah

berdasarkan kepada pelajaran. Dari pandangan ini pelajaran mestilah diberi kepentingan utama.

Apabila saya menyemak Memorandum Perbendaharaan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978), saya rasa memang kena pada tempatnya Kementerian Pelajaran diberi kelulusan yang besar sekali daripada jumlah yang dipohon. Saya sedar bahawa peruntukan yang dipohon ini adalah untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilaksanakan. Namun demikian, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan semasa membuat anggaran perbelanjaan bagi sesuatu tahun untuk membuat peruntukan dari segi pembangunan yang mencukupi. Dengan demikian kita akan dapat memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan pelajaran yang pertama sekali bilik-bilik darjah dan bangunan-bangunan sekolah. Saya rasa risau kerana sehingga hari ini masih terdapat lagi anak-anak kita khasnya di kawasan pedalaman yang masih belajar dalam keadaan yang tidak sihat.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (1978) sekali lagi dan saya sokong dengan sepenuhnya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.25 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam ucapan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978).

Beberapa perkara telah dibangkitkan semasa perbincangan dan saya tidak bercadang untuk memberi ulasan satu demi satu. Walau bagaimanapun, saya rasa beberapa perkara yang telah dibangkitkan perlu diberi ulasan.

Menyentuh tentang kegiatan-kegiatan penyeludupan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock dan juga Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng, saya tidak boleh bersetuju bahawa kegiatan penyeludupan ini kian bertambah, walaupun kalau kita membuat perbandingan dari segi nilai bahan-bahan yang telah

dirampas kita akan dapati bahawa jumlah untuk tahun 1979 adalah lebih besar pada jumlah tahun-tahun kebelakangan. Ini adalah kerana nilai barangan-barangan telah melambung naik di pasaran terbuka.

Sebenarnya jumlah kes untuk tahun 1979 telah dikurangkan kepada 563 daripada 596 kes untuk tahun 1978. Walau bagaimanapun, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja akan terus melipatgandakan usaha-usahanya bagi mencegah kegiatan-kegiatan penyeludupan. Sebagai satu langkah yang berkesan ke arah ini Bahagian Pencegah Penyeludupan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telahpun diperkukuhkan. Tambahan pula Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja juga sedang giat untuk memperolehi alat-alat kelengkapan, lancilanci dan bot-bot laju untuk membantu mereka mencegah kegiatan penyeludupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kekurangan kakitangan (shortage of staff) dan kenaikan pangkat dalam Jabatan Kastam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad, perkara ini memang sentiasa dikaji dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock dan juga Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng dan lain-lain telah menyentuh tentang masalah pengimport-pengimport untuk mengikrar pengimportan-pengimportan mereka di bawah kepala tarif yang tepat. Saya bersetuju perkara ini memang berlaku dan telah menimbulkan beberapa kesulitan kepada mereka. Sebenarnya perkara seperti ini tidak patut timbul kerana memang menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai Kastam di stesyen-stesyen Kastam untuk memberi pertolongan dan nasihat kepada pengimport-pengimport tentang semua aspek semasa mengimport. Tambahan pula satu Jawatankuasa Perhubungan Kastam Negeri telah ditubuhkan di tiap-tiap negeri untuk menasihati pengimport-pengimport dan pengusaha-pengusaha industri kita tentang perkara-perkara yang melibatkan pihak Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa teguran dan cadangan-cadangan telah juga dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian-kementerian yang lain akan saya sampaikan kepada rakan-rakan saya dalam Kerajaan. Mengenai cadangan-cadangan yang membina terhadap

Kementerian saya, perhatian telahpun diambil dan tindakan yang sewajarnya akan dilaksanakan.

Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan saya terhadap pujian-pujian yang telah ditujukan kepada Kementerian saya dan juga minat yang ditunjukkan terhadap perkembangan dalam negara. Sekian, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN- WANG BEKALAN AIR NEGERI (TATACARA KEWANGAN DAN PER- AKAUNAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.33 *ptg.*

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pengawalan dan pengurusan Kumpulanwang-kumpulanwang Bekalan Air Negeri-negeri dan bagi membuat peruntukan-peruntukan berhubung dengan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara mengenai pemungutan, penyimpanan dan pembayaran masuk wang ke dalam Kumpulanwang dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dicadangkan ini akan hanya dipakai di Negeri-negeri Malaysia Barat yang masih belum mengguna-

kan sistem kira-kira perdagangan tersebut dan ini bermakna Akta ini tidak akan dipakai di negeri Sabah dan Sarawak disebabkan sekatan yang terdapat di dalam Seksyen 10 (4) Akta Acara Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang tabung kewangan yang ditubuhkan dan diletakkan di bawah Lembaga Kewangan Negeri Sabah dan Sarawak adalah tertakluk di bawah Undang-undang Negeri.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri telah mewujudkan Kumpulanwang Perbekalan Air (Water Supply Fund) masing-masing untuk mengira pendapatan dan perbelanjaan atas perkhidmatan bekalan air secara berasingan, tetapi sistem kira-kiranya masih lagi merupakan sistem akaun tunai yang berdasarkan kepada kira-kira Wang Amanah Kerajaan.

Semenjak beberapa tahun yang lepas, rancangan-rancangan Perbekalan Air Negeri adalah makin bertambah dan pembiayaannya pula adalah dibuat secara pinjaman luar negeri seperti dari Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Di antara syarat-syarat perjanjian pinjaman dengan Bank-bank ini ialah perakuan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan supaya kira-kira urusan bekalan air mereka dipinda kepada sistem akaun perdagangan untuk menyenangkan pihak Bank dan Kerajaan menilai perjalanan perkhidmatan perbekalan air dan menganalisa perkembangan harta modal dan kadar untung rugi rancangan itu pada tiap-tiap tahun sebagai satu perusahaan awam atau "public utility". Setakat ini Negeri Melaka dan Pulau Pinang telahpun menerima pinjaman dari Bank Pembangunan Asia dan oleh itu telah menubuhkan Lembaga Perbekalan Air Berkanun masing-masing dan telahpun memakai sistem akaun perdagangan. Di negeri-negeri Selangor, Trengganu, Perak, Kelantan dan Johor yang juga menerima pinjaman-pinjaman dari Bank Pembangunan Asia dan Bank Dunia, akaun urusan perkhidmatan air mereka adalah masih lagi menjadi sebahagian daripada Kumpulanwang Amanah Negeri (Trust Funds). Untuk memenuhi syarat-syarat pinjaman dari institusi-institusi tersebut dan untuk menyelaraskan keadaan sistem akaun yang berlainan ini, Kerajaan telah mendapat persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya sistem kira-kira perbekalan air bagi semua negeri-negeri diubah kepada sistem akaun

perdagangan dalam mana semua tanggungan-tanggungan terakru (accrued liabilities) akan dapat dicatatkan tanpa menunggu pembayaran dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan tersebut satu Akta bertajuk "Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Akaun) 1980" perlu diadakan. Kumpulan Wang Perbekalan Air akan diuruskan secara persendirian dan berasingan daripada kira-kira Kerajaan apabila Undang-undang yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa. Seorang Pengarah yang akan dilantik oleh Kerajaan Negeri masing-masing akan bertanggungjawab untuk menguruskan Kumpulanwang-kumpulanwang Perbekalan Air tertakluk kepada arahan-arahan Kerajaan Negeri masing-masing. Ini bermakna bahawa semua pendapatan dan perbelanjaan mengenai perkhidmatan bekalan air akan diuruskan menerusi Kumpulanwang ini dengan cara menyimpan kira-kiranya mengikut sistem akaun perdagangan. Dengan kuatkuasa Undang-undang ini, perkhidmatan perbekalan air adalah diasingkan daripada Jabatan Kerjaraya Negeri tetapi masih wujud sebagai satu Jabatan Negeri. Menteri Besar bagi tiap-tiap negeri adalah diberi kuasa untuk memindahkan lebihan wang (surplus) dari Kumpulanwang Bekalan Air ini kepada Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan jika ianya dianggap tidak perlu bagi maksud bekalan air. Penyata kira-kira Kumpulanwang ini (terdiri dari kunci kira-kira dan penyata untung rugi) yang perlu disediakan pada 31hb Mac tiap-tiap tahun atau selewat-lewatnya pada 31hb Julai tahun yang sama, akan didit oleh Ketua Odit Negara.

Untuk membolehkan sistem akaun perkhidmatan bekalan air bagi tiap-tiap negeri dipinda kepada sistem akaun perdagangan, adalah amat perlu Akta ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Datuk Dr Wee Khoo Hock.

5.41 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pula untuk menyokong Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980.

Saya suka mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan atas kebijaksanaan untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan antara tujuan yang utama sekali untuk mengadakan Rang Undang-undang ini adalah supaya memenuhi kehendak-kehendak Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia dari segi pinjaman. Ini adalah satu pergerakan yang sihat kerana sebagaimana kita semua maklum kewangan adalah satu perkara yang sangat penting bagi sesebuah negara yang membangun seperti negara lain. Malaysia adalah negara yang sedang membangun dan memerlukan sejumlah wang yang besar untuk membiayai berbagai-bagai rancangan pembangunan di bawah Rancangan-rancangan Malaysia. Ini adalah satu perkara yang patut diberi sokongan dari setiap genap masyarakat Malaysia.

Saya berasa gembira bahawa dengan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia akan mewujudkan satu badan Pihakberkuasa Bekalan Air Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum kemudahan air sangat mustahak kepada sesebuah masyarakat baik dari segi kesihatan ataupun dari segi kemajuan perindustrian. Saya sedar bahawa memang sukar bagi pihak Kerajaan untuk mengadakan kemudahan ini keseluruh negara pada satu masa yang pendek. Namun demikian saya khuatir kerana sungguhpun negara kita akan berusia 23 tahun pada bulan Ogos masih terdapat lagi banyak kawasan-kawasan terutama sekali kawasan-kawasan perkampungan dan pendalaman yang belum mempunyai kemudahan air. Saya percaya ini disebabkan oleh kekurangan kewangan untuk melaksanakan perbelanjaan ke kawasan-kawasan perbekalan yang saya sebutkan tadi, akan tetapi saya berharap dengan kemudahan institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia melalui Rang Undang-undang ini Kerajaan akan

mempergiatkan lagi rancangan-rancangan perbekalan air ke kawasan-kawasan pendalaman, kampung-kampung dan kampung-kampung baru sekurang-kurangnya buat sementara waktu Kerajaan boleh menambahkan bilangan paip-paip awam yang terletak di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman adalah satu perkara yang paling mudah bagi negara kita memandangkan kekuatan kedudukan ekonomi kita. Walau bagaimanapun oleh kerana ini adalah tanggungjawab yang akan dipikul oleh jenerasi akan datang, saya rasa amatlah penting Kerajaan melaksanakan projek-projek bekalan air dengan bijaksana. Dengan ini kita akan dapat menentukan bahawa segala perbelanjaan yang dilaksanakan akan lebih berfaedah kepada negara. Saya rasa sungguhpun memang mahal untuk mendapatkan perkhidmatan perunding-perunding, ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Saya berharap Kerajaan sebelum melaksanakan sesuatu projek akan mengubah perunding-perunding yang mahir untuk menjalankan kajian secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa sistem perakaunan dan tatacara kewangan yang akan dilaksanakan akan merupakan satu sistem yang kemas, cekap dan berkesan. Ini akan menentukan bahawa kita akan sentiasa dapat mengawasi kedudukan kewangan Pihakberkuasa Bekalan Air Negeri-negeri supaya membuat tafsiran dari segi feasibiliti dengan mudah. Itu sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.47 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang kuat di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya nampak dalam ucapannya tadi di antara tujuannya hendak menyelaraskan Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) iaitu mengikut sistem perdagangan keseluruhan negara, tetapi dikecualikan di Sarawak dan Sabah, walhal negeri itu juga penting berhubung dengan air, jadi saya kurang fahamlah kenapa kedua-dua negeri itu dikecualikan adakah dengan sebab peruntukan Perlembagaan atau lain-lain? Sekiranya boleh kita selaraskan di seluruh Sabah dan Sarawak.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti tahu bahawa air adalah satu nikmat yang Tuhan turunkan di antara empat nikmat, air, api, angin, tanah. Air adalah benda yang Tuhan turunkan untuk nikmat seluruh rakyat dalam negeri sama ada pokok-pokok, binatang termasuk manusia, untuk kegunaan kita. Tetapi dengan sebab kita hendak pinjam duit daripada Bank Pembangunan Asia, daripada Bank Dunia kita kena buat peruntukan Rang Undang-undang yang menyelaraskan yang menjamin wang yang dipinjam boleh dipulang balik.

Saya kluatir begini walaupun peruntukan Rang Undang-undang ini baik air yang percuma Tuhan turunkan itu jangan dengan adanya Rang Undang-undang ini air jadi mahal. Dan bebannya terkena kepada rakyat yang patut mendapat air percuma, ini kita hendak kira jangan disebabkan air di Malaysia ini orang dunia sahaja hendak untung, jadi saya mahu air yang baik, yang bersih untuk rakyat dan peruntukan-peruntukan perbelanjaan itu kita kena juga beri tetapi jangan dengan sebab peruntukan ini kita akan menaikkan gelen-gelen air yang hendak dibekalkan kepada rakyat luar bandar itu akan tinggi.

Ini satu masalah dengan cara tidak langsung Kerajaan walaupun memberi khidmat kepada rakyat dengan cara tidak langsung Kerajaan mengambil hasil daripada air percuma yang diturunkan oleh Tuhan diberikan pula bukan kepada Malaysia tetapi diberi kepada Bank Antarabangsa yang dapat faedah daripada air kita. Jadi masalah ini saya minta Kerajaan tolong perhatikan kalau hendak mengenakan bayaran ini jangan terlampau tinggi sangat, kita kena buat jangka panjang supaya rakyat di luar bandar hendak mendapatkan air ini bukan mudah dia hendak bayar \$300-\$400 wang permulaan kepada Jabatan yang berkenaan dan tiap-tiap bulan dia kena bayar kemudian orang yang pergi memeriksa kira-kira air atau meter air itu silap, sepatutnya orang atau rakyat luar bandar kena bayar \$4.00 tetapi bulan itu kena \$8.00. Ini memberatkan rakyat kalau kurang diawasi, yang lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan ini kalau orang tidak membayar bil air bekalan akan dipotong. Ini memang betul tetapi waktu kita hendak memotong ini kita kenalah memberi amaran, nasihat kepada mereka dahulu dan keadaan ini tujuan kita hendak menyenangkan dia. Kalau sekiranya ada langkah-langkah yang lain yang

belum lagi kita mengambil tindakan memotong bekalan air itu patut kita togokkan kepada mereka itu supaya dengan keadaan ini benar-benar rakyat boleh menolong penduduk luar bandar khususnya mendapat bekalan air yang bersih dan lain-lain ini saya akui.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah bekalan air ini, kami di Negeri Johor telah ada satu kumpulan yang kerana bekalan air yang telah berjalan dengan baik yang terletak di bawah JKR tetapi dengan adanya peruntukan ini akan diselaras-kan ke seluruh negeri. Bila hendak membuat sesuatu rancangan bekalan air, Kerajaan membuat satu kajian sama ada air diambil dari sungai atau dari gunung. Air dari gunung ini sepatutnya tidak usah diamalkan selalu sebab melalui gunung airnya selalu kering dan tumbuh-tumbuhan dan manusia bertambah ramai. Adalah lebih baik kita membuat satu ampangan yang besar walaupun belanjanya mahal tetapi air itu tidak putus dan tidak menghampakan rakyat.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, macam bekalan air di Gunung Pulai dan di Gunung Ledang. Waktu kemarau air itu selalu kering dan tidak dapat dibekalkan kepada seluruh penduduk. Jadi Jabatan Kerja Raya boleh membuat bermacam-macam helah. Masalah ini patut diperhatikan dan pandangan saya menakung air daripada gunung itu patut kita hentikan. Kita boleh mengambil air daripada sungai-sungai yang besar atau kita buat takungan, ampangan yang besar dan ditapis.

Ada satu perkara dalam masalah buat ampangan air di sungai, ada kalanya sungai itu dalam sebuah negeri tetapi air itu digunakan di sebuah negeri yang lain. Jadi dengan berjalan Rang Undang-undang ini, saya tidak tahulah adakah bercanggah. Umpamanya dalam negeri Johor, negeri Johor kaya dengan air, dia ada air daripada Gunung Ledang, ada tadahan air di Asahan digunakan oleh orang Melaka. Satu lagi ada ampangan air dikincir airnya dari Johor di Sungai Kesang dan digunakan oleh orang Melaka. Satu lagi air di Gunung Pulai. Air di Gunung Pulai tidak jadi masalah lagi kerana memang kita luluskan untuk mereka gunakan tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini adakah menjejaskan atau hendak dikaji balik perjanjian-perjanjian antara Kerajaan-kerajaan Negeri dalam masalah pengambilan air hak sesebuah negeri itu.

Satu lagi perkara ialah kalau Kerajaan sudah buat jana-elektrik, ampangan air yang begitu besar, berikan kerjasama dengan Jabatan Pertanian supaya tempat takungan air itu boleh diternak ikan air tawar, air payau dengan baik. Jadi ada dua kegunaan iaitu di samping digunakan untuk ternakan ikan air tawar; dapat juga digunakan untuk bekalan air minuman dan juga untuk elektrik. Ini adalah berguna kepada manusia malahan pula kita telah berhutang jadi pandai-pandai-lah pula hendak cari cara bayar hutang.

Setakat itulah sahaja, Tuan di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.54 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini membahaskan Rang Undang-undang yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Saya bersetuju supaya peraturan ini dibuat dan pengawalan ini dilakukan kerana kita belum tahu kadang-kadang ada kalanya kita senang dan kadangkala kita susah. Pernah Kerajaan Negeri juga kadang-kadang 'menghijacked'. Duti yang diberi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kepada sesuatu Perbadanan umpamanya yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dahulu kemudian Kerajaan Negeri memohon kepada badan-badan itu, dan Kerajaan Negeri akan luluskan mengikut peruntukan perkara ini dahulu. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini diluluskan pengawalan akan dapat dilicinkan lagi, yang menjadi amanah daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengawal, mengutip, menyimpan dan menggunakan sumber pinjaman lebih-lebih lagi sumber pinjaman luar negeri sama ada daripada Bank Pembangunan Asian, daripada wang Bank Dunia atau dari mana-mana sumber yang lain. Akan tetapi perkara yang perlu, Tuan Yang di-Pertua. Jalanraya, api dan air adalah asas penghidupan kita. Rakyat menuntut ini, rakyat mahu bahawa sanya mereka senang dapat air, mudah berjalan, kesenangan dalam rumahtangga ada dengan elektrik dan sebagainya. Ini perlu dan Kerajaan mesti bersedia meminjam wang daripada sumber luar negeri bagi mendapatkan atau menyudahkan rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sanggup menerima pelancaran Bekalan Air Kesihatan iaitu yang diatur oleh Kementerian Kesihatan

daripada punca air bukit meleleh ditakung dan disalurkan ke tiap-tiap rumah rakyat di pendalaman dengan bayaran go.ong-royong. Daripada air yang tidak bertapis itulah mengalir air-air ini ke rumah yang di pendalaman, rakyat sanggup menerima walaupun air itu tidak ditapis, tidak dimasukkan ubat, tidak dibersihkan terlebih dahulu sebagaimana air-air yang ada di bandar, itulah hasrat rakyat mahu air sampai ke rumah ataupun kediaman mereka itu.

Jadi, kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini adalah cuma undang-undang pengurusan bagi menguatkan, menjaga dan mengawal tetapi saya suka sekarang ini untuk membawa pandangan Kerajaan kepada Jalan Timur-Barat yang kita ada banyak tasik yang telah kita lakukan bagi punca air kemudian disalur ke bandar-bandar besar bagi menampung kekurangan air. Jalan Timur-Barat di utara negeri Perak di Grik yang ada lebih kurang 5-6 buah tasik yang besar-besar, berbatu-batu jauhnya yang mengandungi air yang banyak. Kerajaan patut mengkaji sumber air ini supaya air di Grik itu, yang ada 5-6 tasik yang besar, berbatu-batu luasnya yang telahpun wujud dengan adanya jalanraya Timur-Barat ini dijadikan satu sumber air dalam negara kita. Kerana tasik-tasik yang ada di lebuhraya itu bukan tujuannya hendak menghad ataupun menyekat gerakan-gerakan Komunis Malaya di utara tetapi ini satu keadaan dengan tidak disedari bahawa kita telah menakung beberapa banyak ampangan yang besar, berbatu-batu luasnya yang penuh dengan air.

Saya harap Jabatan Kerja Air, Jabatan Air negara mesti mengkaji punca yang menjadi sumber air yang diberi oleh Tuhan dengan tidak disedari, daripada nikmat sesuatu perkara membawa nikmat kepada satu perkara yang lain. Saya bercakap ini bukanlah bermaksud hendak mencampuri urusan negeri Perak atau mengambil bahan tetapi pandangan saya terlantas, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga pada satu ketika dahulu di negeri saya juga hendak dibuat ampangan tetapi malangnya setelah disiasat. Satu daripadanya kerana keselamatan atau setengahnya mengatakan bantahan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu ialah kerana ada sumber-sumber asli yang belum disiasat di ulu negeri Pahang itu dan inipun kalau sekiranya siap ampangan ini 80 batu jauhnya ke utara, ke hulu sungai itu dan

tidak kurang dari 2 batu lebar akan penuh diisi oleh air. Tujuannya asal ampangan diwujudkan ialah kerana hendak menyekat perkembangan banjir dalam negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum diadakan dam ini di Taman Negara umpamanya Kerajaan perlu kaji tasek-tasek yang telah wujud sekarang ini dan saya harap tasek ini mungkin boleh dibawa ke Kedah umpamanya kerana Kedah kekurangan air ataupun kalau sekiranya masih tidak dapat mempunyai punca dan kalau punca menembak di udara ini boleh menurunkan air, ini perlu dibuat; rakyat mahu air, mahu rumah, mahu api, mahu jalanraya dan mahu nikmat dan yang menyelesaikan masalah ini ialah Kerajaan dan keteguhan Kerajaan Negeri itu sendiripun menjadi satu ukuran jaya atau tidak satu-satu rancangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara kedua, saya tidak hendak mengeruhkan suasana, saya tidak hendak mengeruh antara Kerajaan dengan Kerajaan, negara dengan negara tetapi air di Singapura lebih murah daripada orang-orang Johor membeli air di Johor dan kita tahu punca air di Singapura ialah daripada Gunung Pulai. Sahabat saya takut hendak menceritakan di Dewan ini. Cuma dia kata

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Saya minta dia tarik balik perkataan 'takut' (*Ketawa*).

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Saya tarik balik perkataan itu, tetapi dia tidak berani mengemukakan perkara yang benar (*Ketawa*). Bukannya kita takut kerana kita sudah bersahabat. Mengapa air di negeri kita sekarang ini begitu mahal sedangkan orang yang mengambil air daripada negeri kita lebih murah. Kita patut rundingkan dengan Kerajaan Singapura yang baik hati, kawan kita bersama-sama, harga air di Singapura lebih murah daripada air di Johor. Ini perkara yang patut kita kaji, tidak salah dan tidak mengeruhkan suasana. Kalau dia setuju naikkan sedikit sebab barang-barang ini sudah mahal.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sentuhkan tadi saya harap Kerajaan tidak akan memperkatakan saya seorang yang membawa perkara yang boleh

memecah-belahkan keadaan. Tetapi ini pandangan saya kepada Kerajaan supaya perkara ini dikaji dengan teliti dan dibuat perundingan yang lebih erat.

Selain daripada itu saya harap dasar Kementerian Kesihatan membekalkan air percuma patutlah digalakkan juga sekalipun ada air-air yang patut dibayar kerana ini memberi kelegaan kepada rakyat marhain yang kurang tenaga dan kurang duit sedangkan di tempatnya tidak mempunyai paip, air yang sempurna Jabatan Kerajaan bermurah hati supaya mengadakan paip-paip terbuka untuk kegunaan orang-orang miskin terutama di kawasan-kawasan setinggian. Di kawasan-kawasan setinggian seperti di Kuala Lumpur ini sendiri routine hendak menadah air sampai pukul 3.00 pagi 4.00 pagi ada diatur oleh mereka sesama sendiri supaya tidak ada perbalahan. Mula daripada 6.00 petang sampai 3.00 pagi mengikut program. Saya minta Jabatan Kerja Air di Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Jabatan Kaji Air Bandaraya, mengkaji memberi air tambahan kepada penduduk-penduduk di rumah setinggian dengan bekalan air percuma sementara kita belum membuat saluran paip kekal baginya.

Akhir sekali saya suka hendak bercakap sedikit, kita hendaklah memelihara punca-punca air. Di mana yang difikirkan kerana air ini adalah berpunca, jadi dengan keadaan kita memelihara punca air di samping itu hendaknya ia tidak akan menyusahkan rakyat yang berhampiran tempat punca air ini dan inilah permohonan saya kepada Kerajaan dan sokongan saya kepada Bil ini. Hanya saya menyokong juga pandangan sahabat saya Datuk Haji Ahmad Arshad ia itu segala undang-undang kita sepatutnya hendaklah diselaraskan secara langsung ke seluruh Malaysia. Dahulu kita mulakan Bil Taman Negara, Sabah dan Sarawak tertinggal juga. Ini satu lagi bil, Sabah dan Sarawak tertinggal juga. Kerana banyak lagi bil-bil yang kita buat selalu kita kuatkuasakan di Malaysia Barat. Saya juga menuntut apa sebab maka sebarang undang-undang yang kita buat ini tidak diselaraskan, sedangkan perundingan mesti dibuat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri supaya undang-undang diselaraskan. Saya nampak Kerajaan Sabah dan Sarawak atau rakyat kedua negeri itu sedia menerima wujudnya sebagaimana ucapan sahabat saya Datuk Mohd. Din

bahawa wujudnya perkembangan dan kemajuan di Sabah itu ialah daripada masuknya, bersamanya dengan Malaysia ini terutama dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Jadi ini sudah tentu bahawasanya Sabah dan Sarawak sedia menerima, begitu juga dengan Dasar Bahasa Kebangsaan yang ada terlampau lambat kita bawa berunding dengan sahabat kita negeri Sabah dan Sarawak dan ini satu bukti yang nyata bahawa perkara itu masih ada perbezaan gaji atau khidmat antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Saya harap bagaimana saya kata tadi sebarang undang-undang yang dizahirkan di Dewan ini mesti dengan seluruhnya dan kuatkuasanya serentak ke seluruh Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

6.12 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan pada petang ini. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini saya sangat-sangat berharap negeri Pahang juga akan mendapat nikmat daripada peruntukan yang kita sebutkan pada petang ini kerana di negeri Pahang juga sesungguhnya tambahan ampungan air (reservoir) telahpun dibuat maka kami masih lagi kekurangan air di bandar Kuantan ia itu sebagai kepala negeri Pahang dan kadangkala air ini putus dengan tiada diberi apa-apa amaran kepada penduduk-penduduk di bandar itu, dengan tidak sengajanya tiba-tiba air itu tidak ada.

Maka penduduk-penduduk itu terpaksa mencari air ke sana sini kadangkala sampai tidak makan nasipun ada juga. Baru-baru ini satu hostel ugama yang mana muridnya satu hari tidak jumpa dengan nasi, jadi guru besar terpaksa membeli roti untuk diberi sebeku seorang kepada murid-murid kerana air terputus dengan tidak tahu apa sebabnya.

Selain daripada itu bekalan air di sana kadangkala didapati masin, ada garam. Jika sekiranya kita minum banyak-banyak air ini saya rasa tuan doktor tentu tahulah mungkin kita akan dapat diarrhoea, buang air kerana terlampau banyak sangat makan garam dan kalau orang yang ada penyakit lebih darah

ataupun yang tidak boleh makan garam, ini adalah merbahaya. Saya harap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka perkara yang saya sebutkan itu tidak akan dijumpai lagi.

Begitu juga daerah Temerloh, satu daerah lagi di negeri Pahang, ada di antara kampung-kampung yang tidak mempunyai air langsung, kadang-kadang di waktu musim kemarau penduduk terpaksa berjalan tiga batu ke tepi sungai untuk mendapatkan air, itu pun airnya tidaklah begitu bersih, keruh dengan memumu pasir tadi. Jadi terpaksa dihenjingkan, ataupun dimasak sebelum diminum. Dan juga hendak menggali perigi untuk mendapatkan air pun sukar, 20 kaki ke dalam pun tidak dapat juga air, Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa kampung-kampung yang berjauhan dengan bandar ataupun kampung-kampung pendalaman mustahak sangat air ini diadakan ataupun diberikan sama ada dengan percuma ataupun dengan cara yang dibuat oleh Trengganu, saya tengok sangat-sangat menarik, ditakung anak air daripada gunung ataupun dari bukit yang mana air ini disalurkan kepada tiap-tiap rumah penduduk di kampung. Biasa orang buat satu kelompok 10 buah rumah, satu stand pipe, tetapi di Trengganu tiap-tiap rumah.

Saya rasa sangat besar hati kalau kita dapat seumpama itu dan airnya hanya bayar sekali sahaja sebanyak \$20.00 permulaan bayar untuk memasukkan kepala paip. \$20.00 itu sahaja yang bayar dan rakyat menggunakan dengan tidak bayar sesen pun, air sentiasa ada dan percuma. Kalau dapatlah kita menaiki jejak langkah yang dibuat oleh negeri Trengganu, saya rasa tentu sekali penduduk-penduduk berpuas hati.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.11 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980 semasa perbahasan sebentar tadi.

Saya tidak bercadang untuk memberi ulasan kepada semua teguran dan cadangan

yang telah dibangkitkan. Akan tetapi saya fikir beberapa perkara memerlukan penjelasan.

Menyentuh tentang soal Sabah dan Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, saya ingin menjelaskan bahawa perbekalan air di Sabah dan Sarawak adalah dikendalikan di bawah undang-undang negeri masing-masing.

Satu perkara lagi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad ialah berkenaan dengan tarif air. Saya suka menegaskan bahawa bukanlah tujuan Rang Undang-undang ini untuk menaikkan tarif air tetapi untuk melaksanakan sistem akaun perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kemudahan air yang perlu diberikan kepada seluruh negara, ini memang menjadi dasar utama Kerajaan. Sebenarnya satu tujuan utama Rang Undang-undang ini diadakan adalah untuk memenuhi syarat-syarat pinjaman Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

Saya sedar bahawa air adalah satu bahan utama di dalam kehidupan kita sehari-hari. Dengan wujudnya Pihakberkuasa Kumpulanwang Bekalan Air Negeri, sudah ternyata projek-projek pembangunan bekalan air dapat dipergiatkan. Mudah-mudahan dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dan segenap lapisan masyarakat, kita akan dapat menawarkan kemudahan-kemudahan ini kepada seluruh negara. Ini termasuklah juga paip-paip awam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock dan juga Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain.

Tentang sistem perakuan yang telah juga dibangkitkan memang juga ternyata bahawa Pihakberkuasa-pihakberkuasa di setiap negeri akan menggunakan kepakaran mereka supaya mengadakan satu sistem yang kemas dan berkesan. Memang benar, melalui sistem ini Kerajaan akan dapat menaksir kejayaan ataupun kegagalan sesuatu negeri dan mencadangkan langkah-langkah yang positif untuk mengatasi.

Perlu juga saya mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa akaun ini perlu juga diodit oleh Ketua Odit Negara sebagai satu langkah pengawalan.

Tentang cadangan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak berkenaan dengan sumber air, Kerajaan memang akan mengkaji kemungkinan menggunakan air yang boleh diproses untuk dipakai.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada puji-pujian yang telah disuarakan, tentang cadangan-cadangan yang telah dibangkit dan tidak sempat diulas saya akan ambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN-WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.22 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Suatu Akta bagi Meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951" dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang dibuat sekarang ialah untuk memenuhi enam (6) tujuan:

Pertama: untuk melaksanakan syor-syor Laporan Gaji Harun dan Laporan Jawatankuasa Kabinet berkenaan faedah-faedah

persaraan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Kedua: untuk mengadakan peruntukan-peruntukan baru supaya pembayaran pencen dan ganjaran bagi pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dapat dipercepatkan.

Ketiga: untuk meluaskan takrif 'rumah harga murah' dan membatalkan peruntukan yang membolehkan caruman ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dipotong bagi membayar baki pinjaman rumah harga murah apabila umur mereka mencapai 50 tahun.

Keempat: untuk membolehkan hutang kakitangan Kerajaan kepada Kerajaan dipotong daripada caruman KWSP mereka seperti yang telah diperuntukkan kepada Kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Kelima: untuk mengadakan peruntukan baru supaya Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh melantik suatu 'Panel Pelaburan' dan

Keenam: untuk mengemaskan peruntukan mengenai kutipan caruman-caruman tunggakan dari majikan yang didapati bersalah mengikut seksyen 16A (1).

Tujuan pertama kepada pindaan yang saya sebutkan di atas adalah untuk meluas dan memperkemaskan takrif-takrif 'approved fund' dan 'new scheme' supaya selaras dengan Laporan Gaji Harun dan Laporan Gaji Kabinet yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Takrif 'approved fund' diperluaskan supaya dapat dimasukkan Kumpulan-wang Persaraan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan ke dalam tarif tersebut. Berikutan dengan Laporan Gaji Harun, Kumpulanwang Persaraan Pihak-berkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan atau KPPBT telah ditubuhkan pada 1-10-75 untuk mentadbirkan faedah-faedah pencen bagi kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa tempatan. Walau bagaimanapun Akta untuk menubuhkan Kumpulanwang Persaraan ini dikuatkuasakan kebelakangan (retrospective) pada 1-5-69. Oleh itu untuk menyelaraskan kedudukan KPPBT sebagai Kumpulanwang Simpanan

yang diluluskan maka pindaan kepada takrif 'approved fund' hendaklah dikuatkuasakan mulai dari 1hb Mei, 1969.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat bahawa salah satu dari pindaan ke atas Ordinan KWSP pada tahun 1977 yang diluluskan di Dewan yang mulia ini ialah mengadakan satu takrif 'new scheme' bagi kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memilih Sekim Laporan Gaji Harun. Dengan terbitnya Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan yang melibatkan juga sektor Kerajaan, maka takrif 'new scheme' perlulah diperluaskan supaya meliputi juga semakan-semakan gaji atau salary revision ini dan yang mungkin akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri pada masa-masa yang akan datang. Pindaan ini dicadangkan berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1977 iaitu tarikh Skim Laporan Jawatankuasa Kabinet dilaksanakan.

Tujuan kedua pindaan KWSP ialah untuk menambah peruntukan baru iaitu seksyen 13B (1) dan 13B (2) kepada Ordinan KWSP. Tujuan seksyen 13B (1) diadakan ialah untuk mempercepatkan pembayaran ganjaran dan pencen kepada pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Melalui peruntukan ini, majikan pekerja-pekerja yang akan bersara boleh memberitahu Lembaga KWSP supaya caruman majikan untuk pekerja itu diserahkan kepada Urusetia Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan, manakala untuk pekerja-pekerja Kerajaan penyerahan dibuat kepada Kumpulanwang Persekutuan yang Disatukan (Federal Consolidated Fund). Dengan adanya peruntukan ini, caruman majikan boleh diasingkan dan caruman pekerja cepat dapat ditentukan untuk meneygerakan urusan pembayaran ganjaran dan pencen kepada pekerja berkenaan.

Seksyen 13B (2) pula bertujuan untuk mengadakan takrif 'Pensionable employee' bagi membedakan pekerja-pekerja sektor Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memilih faedah pencen dan pekerja yang memilih faedah Kumpulanwang Simpanan daripada pekerja-pekerja swasta. Bagi pekerja-pekerja yang memilih faedah-faedah Kumpulanwang Simpanan, mereka boleh mengeluarkan jumlah caruman majikan dan caruman pekerja

bersama-sama faedahnya sekali apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja yang memilih faedah-faedah pencen, mereka cuma boleh mengeluarkan caruman pekerja serta faedahnya sahaja, manakala caruman majikan berserta faedahnya diserahkan kepada Pihakberkuasa yang mengeluarkan ganjaran dan pencen seperti yang saya jelaskan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketiga pindaan ini ialah untuk meluaskan takrif 'rumah harga murah' dan membatalkan seksyen kecil (1A) kepada seksyen 13 Ordinan KWSP 1951. Takrif rumah harga murah yang ada sekarang hanya meliputi rumah-rumah harga murah yang dibina oleh syarikat-syarikat yang diluluskan oleh KWSP iaitu Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Berhad. Oleh kerana jumlah harga murah yang dibina oleh syarikat-syarikat tersebut jikalau dibanding dengan keperluan adalah kecil, perlulah diperluaskan takrif ini supaya meliputi juga rumah-rumah yang dibina oleh Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Kerajaan. Sukacita saya menegaskan di sini bahawa ini ialah satu daripada usaha Kerajaan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pencarum-pencarum, terutamanya mereka dari golongan yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah harga murah.

Mengenai seksyen 13 (1A) pula, sukalah saya menjelaskan bahawa seksyen ini telah dimasukkan ke dalam Ordinan KWSP, semasa pindaan dalam tahun 1971. Saya mencadangkan seksyen ini supaya dibatalkan. Mengikut peruntukan 13 (1A) sekarang, jika pencarum KWSP itu masih mempunyai baki pinjaman rumah harga rendah semasa pengeluaran caruman dibuat apabila mereka mencapai umur 50 tahun, KWSP berkuasa menahan semua wang itu atau sebahagian darinya untuk menyelesaikan baki pinjaman rumah harga rendah tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa pencaruman KWSP bersara nanti tidak akan menanggung beban hutang pinjaman perumahan yang mungkin sukar untuk dibayar balik. Bagaimanapun, dalam tahun 1978 peruntukan ini telah dikaji semula dan didapati peruntukan ini tidak adil terhadap pencarum KWSP yang mengambil pinjaman rumah harga rendah oleh sebab mereka yang bukan pencarum

KWSP yang mengambil pinjaman yang sama dari Syarikat Perumahan Malaysia Berhad tidak dikehendaki membayar baki hutang mereka apabila mencapai umur 50 tahun. Dari segi keselamatan pinjaman kepada pencarum KWSP adalah terjamin kerana rumah itu telah menjadi cagaran pinjaman. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa pembatalan tersebut adalah adil dan saksama.

Seterusnya tujuan keempat pindaan KWSP ialah untuk membolehkan hutang kakitangan Kerajaan dipotong daripada caruman KWSP mereka seperti yang telah diperuntukkan kepada kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Ordinan KWSP yang dibuat pada tahun 1977 memperuntukkan bahawa apabila kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan berhenti kerja atau cease being employed, majikan boleh menyelesaikan hutang dengan Kerajaan seperti Cukai Pendapatan, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan atau terlebih bayaran oleh Kerajaan dengan cara dipotong dari jumlah caruman KWSP mereka. Keputusan ini bertujuan untuk menyelaraskan peruntukan yang telah dikuatkuasakan ke atas kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang memilih faedah-faedah pencen. Setelah dikaji dengan teliti adalah didapati bahawa peruntukan ini mungkin menggalakkan Ketua-ketua Jabatan/Badan-badan Berkanun tidak mengambil perhatian yang berat atas tanggungjawab mereka untuk menjaga keselamatan hutang-hutang Kerajaan. Mereka boleh berpendapat bahawa Ordinan KWSP memperuntukkan jika siberhutang (debtor) tidak dapat membayar semula hutang-hutang mereka, Kerajaan berhak mengambil sebahagian caruman KWSP siberhutang untuk menjangkit hutang-hutang tersebut. Ini menjadikan KWSP sebagai satu agensi penagih hutang Badan-badan tersebut. Walhal seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum objektif utama penubuhan KWSP ialah untuk menampung keperluan kewangan pekerja-pekerja semasa persaraan mereka. Bagaimanapun untuk menaja kumpulanwawang Kerajaan dan melindungi kepentingan pencarum-pencarum, satu peruntukan mestilah diadakan untuk mendapat balik pinjaman daripada piutang-piutang iaitu sebagai ikhtiar terakhir.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya tindakan Mahkamah perlulah diambil terlebih dahulu untuk menentukan sama ada hutang-hutang tersebut boleh dijelaskan dengan cara memotong caruman KWSP si berhutang ataupun tidak supaya dapat menyedarkan majikan-majikan bahawa bukanlah perkara mudah bagi mengeluarkan caruman KWSP untuk pembayaran hutang dan mereka mestilah berhati-hati menjaga keselamatan pinjaman daripada wang Kerajaan. Peruntukan ini sekarang dicadangkan diperluaskan kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan, untuk menyamakan layanan peruntukan ini kepada semua pekerja-pekerja Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Tujuan kelima pindaan Ordinan KWSP bertujuan untuk meminda seksyen kecil 2 (a), 2 (b) dan 2 (c) kepada seksyen 4 dan mengadakan peruntukan baru iaitu seksyen 4B bagi membolehkan KWSP menubuhkan suatu Panel Penasihat Pelaburan kepada KWSP. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan 4 (2) (a) yang sedia ada cuma membenarkan Lembaga KWSP menyimpan dalam Bank Negara Malaysia dan bank-bank yang dilesenkan di bawah Banking Ordinan, 1958. Simpanan ini adalah mendatangkan hasil yang baik dan terjamin kerana bank-bank perdagangan adalah dikawal oleh Bank Negara Malaysia. Tetapi untuk memberi kelenturan (flexibility) kepada KWSP dan untuk mendapat keuntungan yang lebih perlulah KWSP dibenarkan menyimpan di dalam institusi-institusi kewangan yang lain dengan syarat mereka dilesenkan oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Menteri Kewangan. Mengenai pindaan seksyen 4 (2), ini perlu dibuat untuk mengemaskini peruntukan tersebut supaya selaras dengan semakan yang dibuat kepada Trustee Ordinance, 1949 di mana Ordinan ini telah diganti oleh Trustee Act, 1949 yang juga merangkumi Trustee Investment Act, 1965. Pindaan tersebut akan dapat meluaskan bidang pelaburan Lembaga dalam saham-saham amanah. Seterusnya seksyen 4 (2) (c) dipinda supaya Lembaga cuma melabur dalam saham-saham syarikat yang diluluskan sahaja. Ini dibuat untuk menjamin keselamatan pelaburan itu.

Berhubung dengan penubuhan Panel Pelaburan pula perlulah saya jelaskan bahawa peruntukan tersebut tidak terdapat dalam Ordinan KWSP, 1951. Panel ini adalah

perlu untuk membolehkan KWSP membuat pelaburan yang mendatangkan keuntungan yang lebih dan terjamin. Tidaklah dinafikan bahawa sekarang tanpa adanya Panel Pelaburan ini KWSP masih mampu membuat pelaburan yang menguntungkan dan dengan keuntungan ini dapat membayar faedah sebanyak 7.25% kepada pencarum-pencarum. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tiap-tiap tahun KWSP membuat pelaburan yang besar jumlahnya. Sebagai contoh pada tahun 1978, KWSP telah membuat pelaburan sebanyak \$984 juta, yang mana 70% dilaburkan di dalam Sekuriti Kerajaan dan 30% lagi dalam pelaburan-pelaburan lain. Oleh itu dengan adanya Panel Penasihat Pelaburan ini yang mana nanti akan dianggotai oleh mereka yang berpengalaman luas dalam bidang kewangan dan perniagaan, sudah tentu pelaburan ini dapat dibuat dengan lebih berkesan lagi dan menjamin pulangan yang lebih tinggi. Penubuhan Panel Pelaburan ini adalah sebagai satu langkah yang positif untuk memperbaiki lagi kepentingan pencarum-pencarum. Adalah diharapkan dengan pendapatan yang lebih dari pelaburan, KWSP berupaya membayar faedah yang lebih tinggi lagi pada tahun-tahun ke hadapan ini. Panel Pelaburan dalam menjalankan tugasnya dikehendaki mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga KWSP dan diluluskan oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa. Bagi melengkapkan lagi penubuhan Panel Pelaburan yang saya terangkan tadi, jadual ke 7 perlulah dimasukkan ke dalam Ordinan KWSP. Jadual ini menerangkan dengan jelas mereka yang layak untuk dilantik ke dalam Panel tersebut.

Akhir sekali, pindaan KWSP ini bertujuan untuk memperkemas lagi seksyen kecil 4 kepada 16A Ordinan KWSP, 1951. Peruntukan sekarang adalah longgar dan menyukarkan KWSP memperoleh caruman tunggakan dari majikan-majikan yang bersalah di bawah seksyen 16A (1) Ordinan KWSP, 1951. Pindaan ini dibuat untuk membolehkan mendapat perintah Mahkamah, supaya pegawai KWSP dapat memungut caruman-caruman tunggakan dari majikan-majikan yang berkenaan. Jelasnya pindaan tersebut akan mendorong majikan-majikan mengambil perhatian yang berat ke atas kebajikan pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.47 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Tuan Mak Hon Kam.

Sebagai permulaan saya ingin mengucapkan tahniah pula kepada Kerajaan atas kebijaksanaanannya untuk mencadang beberapa pindaan kepada Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 ini supaya memperketatkan kelonggaran beberapa aspek dalam Ordinan tersebut. Saya percaya dengan pindaan ini Kerajaan akan dapat memperlaksanakan dengan lebih berkesan lagi konsep penubuhan Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk faedah orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita puji memuji usaha Kerajaan terhadap perkara ini perlu juga kita mengawasi Kerajaan supaya mengkaji dengan lebih teliti beberapa proviso dalam pindaan yang dicadangkan sebelum sesuatu pelaburan atau dasar diluluskan. Saya tidak ragu akan kebolehan Kementerian Kewangan atau Panel Pelaburan yang akan dicadangkan kerana saya telah difahamkan bahawa mereka adalah terdiri daripada pakar-pakar di dalam bidang ekonomi pelaburan dan kewangan.

Saya dapati bahawa beberapa proviso dalam cadangan-cadangan boleh dibangkitkan terutama sekali saya ingin menyentuh tentang proviso yang memperluas takrif rumah murah. Saya bersama-sama dengan rakyat jelata berasa gembira terhadap perkembangan ini kerana melalui peruntukan yang dicadangkan ini rakyat jelata di seluruh negara akan mempunyai peluang yang lebih besar lagi untuk memiliki rumah.

Pada masa-masa yang lampau Kumpulanwang Simpanan Pekerja hanya dapat meluluskan pinjaman kepada Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Berhad sahaja. Ini telah menghadkan peluang rakyat jela a memiliki rumah. Pindaan ini membenarkan Kumpulanwang Simpanan Pekerja meluluskan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi maksud projek-projek rumah murah. Ini adalah satu gerakan yang baik akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat mustahak ialah pengawalan dan pengurusan syarikat-syarikat yang akan diluluskan. Saya rasa Lembaga KWSP harus juga mengawasi pentadbiran syarikat-syarikat itu untuk memastikan bahawa sebarang perkembangan dalam syarikat tidak akan bercanggah dengan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka menyentuh ialah berkenaan dengan wang-wang yang tidak dituntut. Saya percaya wang-wang yang tidak dituntut kebanyakannya adalah berasal daripada mereka yang berpendapatan rendah dan buta huruf. Ini telah timbul kerana mereka tidak jelas tentang procedure untuk membuat tuntutan wang simpanan mereka. Memandangkan kepada hakikat ini amatlah penting Lembaga KWSP mengkaji semula cara-cara yang diamalkan pada masa sekarang supaya wang yang tidak dituntut itu dibayar kepada mereka yang berhak. Saya sedar bahawa pada praktik sekarang Kerajaan selalu mengiklankan nama mereka yang layak untuk menerima wang-wang yang tidak dituntut itu, akan tetapi kita patut mengkaji semula sama ada sistem itu berkesan. Jika tidak sebagai sebuah Kerajaan yang maju dan membina kita mesti mengadakan satu sistem yang baru juga.

Pada hemat saya Kerajaan bolehlah memberi tanggungjawab kepada pihak majikan untuk mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan seseorang pekerja yang ingin berhenti kerja dengan mereka. Dengan ini saya percaya akan menjadi lebih mudah lagi bagi KWSP untuk berhubung dengan pekerja-pekerja semasa persaraannya.

6.53 ptg.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan penuh saya atas Rang Undang-un-

dang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum pindaan sedang dibuat kepada Ordinan KWSP ini untuk mempercepatkan pembayaran ganjaran kepada kakitangan Kerajaan, Kerajaan Tempatan dan sebagainya. Di antara lain-lain perkembangan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini ialah penubuhan Panel Pelaburan untuk melaburkan wang KWSP dengan tujuan mencapai faedah yang lebih tinggi daripada sekarang. Tujuan ini adalah baik dan patutlah disokong oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun di samping menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin menasihatkan Kerajaan supaya sentiasa berwaspada dalam perkara melaburkan wang KWSP. Ini bererti bahawa KWSP hendaklah melaburkan wangnya dengan selamat dan dengan cara yang terjamin. Jika tidak ini akan menimbulkan keadaan huru-hara dan hilangnya kepercayaan orang ramai kepada KWSP. Walaupun faedah yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat kewangan adalah tinggi tetapi kita hendaklah berjaga-jaga supaya wang KWSP tidak rugi oleh kerana kegagalan sesebuah syarikat kewangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum wang KWSP tidak boleh dikeluarkan sehingga pencarum mencapai umur 55 tahun atau pencarum bercadang hendak membeli rumah kos rendah. Ini bertujuan hendak melindungi pekerja ketika mereka bersara dan tidak dapat bekerja lagi. Tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa ada segolongan pekerja yang menganggur sehingga berbulan-bulan malah bertahun-tahun sebelum mereka berjaya mendapatkan pekerjaan semula. Oleh yang demikian, saya bercadang supaya sedikit bantuan wang dikeluarkan dari KWSP sementara pencarum itu menganggur dan seseorang pencarum itu hendaklah membayar balik kepada KWSP semua jumlah yang dikeluarkannya daripada wang KWSP dalam tempoh ia menganggur bersama-sama dengan caruman biasa yang hendak dibayar tiap-tiap bulan. Ini merupakan satu pinjaman daripada KWSP pada waktu pencarum menganggur dan haruslah dibayar balik secepat mungkin apabila dia bekerja semula.

Saya fikir cadangan saya ini adalah baik dan sebenarnya langkah ini telah pun dipraktikkan dalam negara-negara Eropah sebagai "welfare fund" untuk bantuan sementara untuk pekerja-pekerja yang menganggur. Jadi saya harap pihak Kerajaan akan dapat menimbang-cadangan ini supaya penca-rum yang menganggur diberi bantuan sementara.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini.

6.56 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock dan juga Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951.

Beberapa teguran dan cadangan telah dikemukakan dan saya tidak bercadang untuk memberi ulasan kepada tiap-tiap satunya, walau bagaimanapun saya rasa beberapa penjelasan perlu disampaikan.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menyentuh tentang pindaan kepada takrif rumah murah. Lembaga KWSP adalah ditubuhkan untuk faedah rakyat dan negara dan setiap perkembangan dalam KWSP adalah demi kepentingan rakyat dan negara. Atas kesedaran bahawa mengikut takrif rumah murah pada masa lampau mempunyai sekatan, Kerajaan telah bercadang untuk memperluaskan takrif itu supaya syarikat-syarikat yang lain dapat mengambil bahagian dalam industri perumahan untuk menampung usaha-usaha Kerajaan dalam bidang ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat itu atas niatnya yang suci mengingatkan Kerajaan mengawasi Panel Pelaburan dalam kegiatan mereka. Saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa mereka yang dilantik dalam Panel Pelaburan ini akan menggunakan kepakaran mereka secara adil dengan sentiasa menjunjung kepentingan rakyat dan negara.

Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng dan juga Datuk Dr Wee Khoo Hock menyentuh tentang wang-wang yang tidak dituntut.

Seperti mana-mana tabung kewangan dan bank-bank simpanan perkara ini sentiasa berbangkit. Mengikut angka yang diperolehi wang yang tidak dituntut dalam KWSP hanya berjumlah \$6 juta. Jika dipandang dari segi angka ini memang merupakan sejumlah wang yang besar akan tetapi jika dibandingkan dengan jumlah wang dalam KWSP yang berjumlah \$8,100 juta, angka ini adalah satu peratusan yang paling kecil. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus berusaha untuk menjelaskan wang-wang yang tidak dituntut itu kepada mereka yang berhak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang bercakap dengan panjang lebar dan mengenai cadangan-cadangan yang tidak saya beri ulasan, perhatian juga telah diambil dan jika didapati sesuai tindakan yang sewajarnya akan dilaksanakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-cadangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.03 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang

Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk Meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ordinan Dadah Berbahaya 1952 adalah satu Ordinan yang bertujuan untuk mengawal penggunaan dadah berbahaya yang halal (licit use).

Cadangan pindaan ialah kepada seksyen 2 (3) dan 27 Ordinan tersebut dan seksyen 2 pindaan ini ialah bertujuan untuk menggantikan takrif 'cannabis' dengan satu definasi yang lebih tepat.

Kementerian ini mendapat bahawa takrif terhadap perkataan 'cannabis' dalam Ordinan Dadah Berbahaya 1952 yang ada sekarang adalah tidak mencukupi untuk pengawalan. Oleh itu adalah dirasakan patut dipinda supaya dapat meluaskan penglibatannya bagi menentukan bahawa kes-kes di bawah Ordinan ini atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan 'cannabis' akan berjaya dan tidak gagal semata-mata atas sebab-sebab teknikal. Sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu kes Inggeris R.V. Goodchild (1977) seperti yang tertera dalam huraian dalam Rang Undang-undang ini yang mana telah melibatkan interpretasi satu takrif 'cannabis' di bawah 'Misuse of Drugs Act 1971' di England. Dan hukuman ke atas orang yang dituduh melakukan kesalahan mengenai 'cannabis' dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan kerana adalah tidak dapat ditunjukkan bahawa bahan-bahan 'cannabis' berasal dari 'The flowering or fruiting tops' pokok itu. Kes ini juga menunjukkan bahawa daun 'cannabis' yang mengandungi 'psycho-active' pokok itu dan biasanya dihisap tidak diliputi oleh takrif itu. Akibat dari kes 'Goodchild' ini takrif 'cannabis' di dalam Akta Inggeris itu telahpun dipinda. Di bawah takrif baru ini, sebarang bahagian pokok, melainkan bahagian-bahagian yang dikecualikan akan diliputi oleh takrif perkataan 'cannabis'. Takrif baru ini mengenyahkan keperluan bagi membuktikan bahawa 'cannabis' berasal dari sesuatu bahagian pokok itu dan mengandungi daun. Takrif 'cannabis' yang didapati di Malaysia dalam seksyen 2 Ordinan Dadah Berbahaya 1952 itu adalah sama dengan takrif lama dalam Akta Inggeris tersebut. Dengan sebab itu adalah perlu takrif ini dipinda selaras dengan takrif baru dalam Akta Inggeris itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua ahli farmasi dalam perkhidmatan awam dilantik menjadi 'Inspektor' di bawah seksyen 3 Ordinan Dadah Berbahaya 1952. Kementerian ini berpendapat bahawa satu nama yang lebih sesuai patut diberi kepada ahli farmasi untuk membezakannya daripada Inspektor Polis. Sekiranya nama itu ditukarkan menjadi 'Drug Enforcement Officer', ini akan mengelakkan sebarang kekeliruan yang mungkin yang disebabkan oleh nama 'Inspektor' itu.

Menurut Undang-undang yang ada sekarang ahli-ahli farmasi yang dilantik di bawah seksyen 3 hanya boleh bertindak di bawah seksyen kecil (3) seksyen 27 iaitu hanya mempunyai kuasa untuk masuk ke dalam kedai-kedai dan memeriksa rekod-rekod dan stok dadah-dadah berbahaya yang didapati di dalam kedai-kedai itu. Bagi memperketatkan kawalan berkaitan dengan penjualan dadah berbahaya maka adalah perlu bagi ahli-ahli farmasi yang tersebut diberi kuasa yang serupa dengan pihak Polis dan Kastam kecuali kuasa untuk menangkap orang. Dengan memberi kuasa kepada ahli-ahli farmasi yang dilantik di bawah seksyen tersebut maka mereka boleh menjalankan penyiasatan seperti mengelidih dan merampas dadah berbahaya, buku-buku dan dokumen-dokumen. Bagi mencapai tujuan di atas ini adalah perlu supaya Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

7.10 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang ada di hadapan kita ini.

Saya cuma hendak membuat dua tiga komen sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kerana bersabit dengan kesalahan dadah pihak Mahkamah telah menghukum bunuh kepada salah seorang penagih dadah. Ini patut diperbanyakkan manusia-manusia yang macam ini.

Yang kedua dalam masalah kelemahan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini bukan sahaja dengan takrif "cannabis" ini, banyak lagi kelemahan dalam Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini patut disemak dan dikaji oleh Peguam Negara. Sebab baru-baru ini telah terjadi satu kes bahawa tidak disabitkan orang itu dihukum gantung dengan sebab dia membawa dadah kurang daripada 100 grams padahal lebih, cuma jenisnya lain. Jadi keadaan yang begini melemahkan anggota-anggota polis kita menjalankan tangkapan sebab bila dibawa ke mahkamah perkara itu dibuang kes atau ditinggalkan, tidak ditujukan kepada matlamat hukuman yang sebenar kepada mereka.

Bagi menguatkan anggota pencegah dadah ini, Tuan Yang di-Pertua, Drug Enforcement Officer telah dilantik berhubung dengan dadah ini. Saya hendak tahu dari Kementerian ini bahawa Kerajaan mengatakan hendak mewujudkan satu pasukan polis anti-dadah seluruh Malaysia seramai 3,000 orang tetapi sampai sekarang berapa orang polis dalam pasukan ini telah diwujudkan, kenapa dilambatkan?

Dengan kelambatan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka dadah dalam negeri kita ini semakin hari semakin merbahaya. Mengapa pengambilan polis yang bertanggungjawab dalam masalah dadah ini dilambatkan? Polis dadah ini bukan seperti polis biasa, sekarang dinamakan Polis Anti-Dadah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri walaupun Rang Undang-undang ini cuma pindaan, kita bangga sekarang bahawa kita telah dapat kerjasama daripada negara-negara ASEAN dan kita telah dapat satu pejabat Police Interpol yang boleh menangkap siapa juga pengedar-pengedar dadah dan raja-raja pengedar dadah ini dan kita nampak bahawa salah sebuah negeri telah mengikut iaitu Indonesia telah mengenakan hukuman seumur hidup kepada pengedar dadah. Yang

saya minta kalau boleh Kerajaan mesti bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Thai sebab punca ibu dadah yang mengalir dalam tanahair kita ini daripada negeri Thai. Jadi kalau dapat kerjasama yang begitu rapat, insya Allah dapat dikurangkan masalah dadah dalam negara kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah penagih dadah yang begitu banyak sekarang telah kita kumpulkan di Pusat Pemulihan. Orang yang telah pulih ini kadangkala balik menghisap dadah. Apa yang saya harap kepada Kerajaan supaya membuatkan satu khemah pemulihan yang dikelolakan oleh PEMADAM. Orang yang telah dipulihkan daripada Pusat Pemulihan itu dimasukkan ke dalam satu khemah pemulihan di mana mereka itu diberi pelajaran-pelajaran vokasional. Dengan keadaan ini saya percaya bahawa mereka satu ketika kelak tidak akan mengulangi menghisap dadah ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

7.14 m/m.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad atas teguran-teguran beliau tadi. Sebenarnya saya mengambil perhatian dan merujukkan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh beliau itu kepada Kementerian yang berkenaan.

Sepertimana saya jelaskan tadi bahawa Rang Undang-undang yang kita bentangkan ini adalah Ordinan Dadah Berbahaya iaitu satu Ordinan yang bertujuan untuk mengawal penggunaan dadah yang halal (licit use of the drugs). Jadi bermakna kita hendak kontrol mereka yang diberi lesen menggunakan dadah ini supaya tidak menyalahgunakan dadah-dadah ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi dan kita menghargai pandangan yang dikemukakan oleh beliau terutama sekali mengenai penyesuaian semula Rang Undang-undang ini. Sebenarnya kita telahpun berunding dengan pihak Peguam Negara untuk meminda semula dan mengemaskan lagi Rang Undang-undang ini, tetapi pemindaan atau pengemasaan Rang Undang-undang seperti ini bukanlah merupakan satu perkara yang

senang. Ianya mengambil masa yang lebih sedkit terutama sekali saya difahamkan bahawa Jabatan Peguam Negara adalah sangat-sangat kekurangan kakitangan bahkan baru-baru ini beberapa orang daripada penuntut-penuntut kita yang telah lulus dalam bidang Undang-undang telah ditarik masuk berkhidmat dengan Jabatan Peguam Negara. Dengan cara bertambahnya kakitangan di sana, kita harap mereka akan dapat menjalankan kerja mereka dengan lebih cekap lagi.

Mengenai kerjasama dengan Kerajaan Thai tentang pengedaran dadah, memang Kementerian Kesihatan dalam aspek ini sentiasa bekerja rapat dengan Kerajaan Thai bukan sahaja daripada segi ini tetapi juga daripada segi bagaimana kita dapat bertukar fikiran, bertukar pengalaman daripada research ataupun untuk menyediakan kawalan dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya satu khemah pemulihan, kalau tidak salah saya, bagi menempatkan penagih-penagih dadah ini sebelum mereka balik ke pangkuan masyarakat, agaknya itulah maksud beliau. Sebenarnya sebagaimana pernah saya katakan beberapa kali di dalam Dewan ini dan juga Dewan Rakyat bahawa pemulihan ini adalah sangat penting dari segi rawatan penagihan dadah. Masalah penawaran (detoxification) penagih-penagih dadah itu tidak merupakan satu perkara yang begitu berat dan mengambil masa kalau dibandingkan dengan masa yang akan diambil untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini. Masalah detoxification boleh dapat berjalan dalam masa 2-3 minggu tetapi pemulihan ini merupakan satu kerja yang memakan masa yang begitu panjang dan selain daripada itu kita tidak dapat memulihkan mereka dengan semua sekali oleh kerana kekurangan tempat-tempat.

Sungguhpun begitu sekarang beberapa buah negeri telah menambahkan Pusat-pusat Pemulihan dan Kementerian Kesihatan bahkan baru-baru ini telah melihat ada circular mengatakan supaya Pusat-pusat ini dilengkapi dan alat-alat bagi mengesan penagih-penagih dadah ini.

Tuan Yang di Pertua, itulah sahaja yang saya dapat katakan dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.20 m/m.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bernama "Satu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971."

Akta Perubatan 1971 ini telah digubal dalam tahun 1971 untuk mengawal dan mengawasi segala aspek mengenai profession perubatan di negara ini. Oleh kerana dalam tempoh masa hampir 10 tahun ini telah terdapat banyak perubahan dalam keadaan yang berkaitan dengan profession perubatan, maka didapati bahawa beberapa pindaan perlu dibuat di atas Akta Perubatan 1971 ini.

Adalah dicadangkan bahawa pindaan dibuat kepada Seksyen 3 Akta Perubatan 1971 dengan tujuan untuk menyesuaikan kedudukan Wakil-wakil dari Fakulti Perubatan tempatan dalam Majlis Perubatan Malaysia.

Pada tahun 1971, apabila Akta Perubatan diluluskan oleh Parlimen, hanya University of Malaya ada mengadakan Fakulti Perubatan. Oleh yang demikian, peruntukan diberi mengikut Seksyen 3 (1) Akta tersebut untuk membolehkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan University of Malaya menganggotai Majlis Perubatan Malaysia.

Pada tahun 1974, apabila Universiti Kebangsaan Malaysia mengadakan Fakulti Perubatannya suatu pindaan kepada Akta Perubatan ini dibuat dalam tahun 1975 yang memperuntukkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi ahli Majlis Perubatan Malaysia. Dengan penubuhannya Fakulti Perubatan Ketiga Universiti Sains Malaysia adalah juga perlu bagi Seksyen 3 (1) Akta tersebut dipinda bagi membolehkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia dilantik menjadi Ahli Majlis Perubatan Malaysia sama juga seperti di kedua-dua Fakulti Perubatan University of Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan pindaan dibuat kepada Seksyen 3 (1) Akta tersebut apabila setiap kali Fakulti Perubatan ditubuhkan oleh mana-mana universiti tempatan, ianya adalah dicadangkan bahawa peruntukan di bawah Seksyen 3 (1) yang membolehkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi Ahli Majlis Perubatan Malaysia digantikan dengan satu perkataan yang lebih umum yakni yang memperuntukkan 3 orang ahli dari mana-mana Fakulti Perubatan di bawah universiti tempatan untuk menjadi Ahli Majlis Perubatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Ahli-ahli Majlis Perubatan Malaysia di bawah Seksyen 3 (1) Akta tersebut adalah terdiri seperti berikut:

Ketua Pengarah Kesihatan

Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah
Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak
3 orang ahli dari Fakulti Perubatan University of Malaya

3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

9 orang ahli dipilih dari Malaysia Barat

Seorang ahli dipilih dari Sabah

Seorang ahli dipilih dari Sarawak

Seorang ahli dipilih dari Malaysia Timur

Adalah dirasakan bahawa 3 orang Ahli Majlis Perubatan Malaysia sudah tidak lagi sesuai dilantik atau dipilih secara berasingan oleh kerana Perkhidmatan Kesihatan Sabah dan Sarawak sudahpun disatukan dengan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Persekutuan. 3 orang ahli tersebut ialah Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah dan seorang ahli dipilih oleh Malaysia Timur. Sebagai gantinya adalah dicadangkan satu peruntukan baru iaitu Seksyen 3 (1) (g) seperti berikut iaitu 3 orang pengamal berdaftar penuh daripada Perkhidmatan Awam yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dicadangkan bahawa Seksyen 13 (2) Akta Perubatan 1971 dipinda. Seksyen 13 (2) memperuntukkan bahawa mereka yang didaftarkan sementara akan bertugas dalam sesuatu jawatan perubatan bertempat tinggal hingga memuaskan hati pihak Universiti Malaya selama tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun iaitu mereka yang didaftar secara sementara dikehendaki menjalankan satu 'Housemanship'. Kuasa untuk menyelia dan mengawas 'Housemanship' adalah diberi kepada pihak University of Malaya di bawah Seksyen 13 (2) ini adalah didapati tidak sesuai lagi oleh kerana pada masa ini terdapat lebih daripada satu Fakulti Perubatan di negara kita iaitu di Fakulti Perubatan University of Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Universiti Sains Malaysia. Maka adalah perlu supaya ketiga-tiga fakulti tersebut yang terlibat dalam usaha menyelia 'Housemanship' ini bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan, menubuhkan satu badan bagi menyelia dan mengawas latihan siswazah-siswazah perubatan dalam tempoh 'Housemanship'. Maka adalah difikirkan bahawa satu Lembaga Kelayakan Perubatan (Medical Qualifying Board) ditubuhkan. Badan ini adalah dianggotai oleh Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Pengerusi dan sembilan wakil yang sama banyak daripada tiap-tiap satu Fakulti Perubatan dari Universiti-universiti Tempatan. Bagi maksud penubuhan Lembaga Kelayakan Perubatan ini maka peruntukan disediakan dengan memasukkan satu seksyen-kecil baru iaitu Seksyen 13 (1A) di dalam Akta Perubatan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga bercadang untuk meminda Akta Perubatan 1971 dengan memasukkan satu Seksyen baru iaitu Seksyen 34 (B). Seksyen Baru 34 (B) ini ialah bertujuan untuk memberi perlindungan guaman kepada pakar-pakar dan doktor-doktor di luar perkhidmatan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan secara sukarela.

Untuk memberi perkhidmatan yang lebih luas kepada orangramai dalam bidang-bidang yang tertentu, Kementerian ini bercadang untuk menyambung penggunaan perkhidmatan sukarela pakar-pakar di luar perkhidmatan Kerajaan sama ada dari tempatan ataupun luar negeri di dalam rawatan pesakit apabila kepakaran yang diberikan tidak terdapat atau mencukupi di kalangan doktor-doktor Kerajaan. Kementerian ini berpendapat bahawa Kerajaan patut membela secara 'indemnify' atau gantirugi pakar-pakar/doktor-doktor ini terhadap apa-apa dakwaan yang mungkin timbul semasa menjalankan perkhidmatan sukarela mereka itu. Oleh yang demikian, untuk membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas sukarela itu dengan sempurna tanpa bimbang pada kemungkinan dihadapkan dengan 'litigation' atau dakwaan. Pindaan-pindaan hendaklah dibuat kepada Akta Perubatan 1971 untuk memberi perlindungan guaman kepada pakar/pakar doktor-doktor yang berkhidmat secara sukarela sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada sebab-sebab di atas keadaan yang terdapat sekarang maka didapati perlu untuk meminda Akta Perubatan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menca-dangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan dibaca kali kedua, sekarang dibuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawa:ankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 15hb April, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.